

IMPAK PEMBANGUNAN SEKTOR PELANCONGAN WARISAN TERHADAP
KOMUNITI DI KUALA KRAI, KELANTAN

SITI NUR AMANIE BINTI MOHD NOOR

UNIVERSITI

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

2023

MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

IMPAK PEMBANGUNAN SEKTOR PELANCONGAN WARISAN TERHADAP
KOMUNITI DI KUALA KRAI, KELANTAN

DISEDIAKAN OLEH:

Siti Nur Amanie Binti Mohd Noor

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Syarat
Pengaunugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
Dari tarikh _____ hingga _____
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuatsalinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

.....
[Signature]

[Signature]
FARRAH ATIKAH BINTI SAARI
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Beg Berkunci No. 01
16300 Bachok, Kelantan.

Tarikh: 16 Februari 2023

Tarikh: 16 Februari 2023

Nota: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama suratdaripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

- OPEN ACCESS** I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)
- EMBARGOES** I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.
Date from _____ until _____
- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.


1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature



Date: 16 February 2023

Signature of Supervisor



FARRAH ATIKAH BINTI SAARI
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Beg Berkunci No: 01
16300 Bachok, Kelantan.

Date: 16 February 2023

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur dipanjatkan ke hadrat ilahi dengan limpah kurniaan nikmat Nya kerana dapat saya menyiapkan projek penyelidikan bagi menjadikan saya melepasi syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda. Sepanjang saya dalam proses menyiapkan penulisan ini, saya mendapat sokongan dan kerjasama yang daripada pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Dikeempatan ini saya ini mengucapkan setinggi – tinggi jutaan terima kasih kepada pelbagai pihak yang tanpa jemu membantu saya.

Saya turut ini menzahirkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari yang merupakan tenaga pengajar yang senantiasanya membantu saya dan memberi tunjuk ajar kepada saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang tidak putus – putus memberikan sokongan serta dana untuk saya menyiapkan penulisan ini. Selain itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberikan ucapan terima kasih kepada penduduk kampung yang terlibat semasa saya mengumpulkan data maklumat yang berkaitan.

Akhir sekali, saya berharap bahawa dengan adanya kajian ini dapat memberikan maklumat tambahan kepada penyelidik seterusnya berkaitan dengan adat turun tanah yang telah disediakan oleh saya. Saya juga berharap bahawa dengan kajian yang telah dibaut oleh saya dapat memberi manfaat kepada penyelidik dalam menghayati adat turun tanah.

Sekian, Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
SENARAI RAJAH	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	3
1.1 Latar Belakang	5
1.2 Penyataan Masalah	7
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Skop Kajian	10
1.6 Batasan Kajian	11
1.7 Definisi Termologi	12

I. Perkembangan	12
II. Sektor	12
III. Komuniti	12
IV. Impak	13
V. Warisan	13
1.8 Kepentingan Kajian	14
I. Individu	14
II. Masyarakat	14
III. Kerajaan	15
IV. Agensi Pelancongan	15
1.9 Kesimpulan	16
BAB 2: SOROTAN KAJIAN	
2.0 Pengenalan	17
2.1 Pelancongan warisan	18
2.2 Perkembangan Sektor Pelancongan Warisan Yang Wujud	
Di Kuala Krai, Kelantan	21
2.2 Potensi Pembangunan Sektor Pelancongan Warisan	
Di Kuala Krai, Kelantan	32
2.3 Kesan Pembangunan Sektor Pelancongan Warisan	
Di Kuala Krai, Kelantan	39

2.4 Penutup 40

BAB 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan 41

3.1 Rekabentuk Kajian 43

3.2 Kaedah Kualitatif 44

3.3 Instrumen Kajian 44

3.3.1 Buku Nota 45

3.3.2 Kamera 45

3.4 Prosedur Pungutan Data 46

3.5 Kaedah Pengumpulan Data 49

3.5.1 Data Primer 50

3.5.2 Data Sekunder 52

3.6 Penutup 53



BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	54
4.1 Analisis Dapatan Kajian 1: Perkembangan Sektor Pelancongan Warisan Yang Wujud Di Kuala Krai, Kelantan	55
4.1.1 Perkembangan Sektor Pelancongan Warisan Kampung Mambong	57
4.1.2 Perkembangan Sektor Pelancongan Warisan Jambatan Gantung Sultan Ismail	58
4.1.3 Perkembangan Sektor Pelancongan Warisan Tangga Krai	59
4.2 Analisis Dapatan Kajian 2: Potensi Perkembangan Sektor Pelancongan Warisan Yang Wujud Di Kuala Krai, Kelantan	60
4.2.1 Potensi Dibangunkan Sebagai Tempat Pembuatan Tembikar Pra Sejarah	61
4.2.2 Potensi Sebagai Tempat Tinggalan Warisan	61

4.3 Analisis Dapatan Kajian 3:	
Kesan Pembangunan Sektor Pelancongan Warisan Di Kuala Krai, Kelantan	75
4.4 Penutup	76
BAB 5 : PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	77
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	78
5.2.1 Perbincangan Objektif Kajian 1 : Mengenalpasti Perkembangan Sektor Pelancongan Warisan Yang Wujud Di Kuala Krai, Kelantan	79
5.2.2 Perbincangan Objektif Kajian 2 : Menilai Potensi Sektor Pelancongan Warisan Di Kuala Krai, Kelantan	80
5.2.3 Perbincangan Objektif Kajian 3 : Mengenalpasti Kesan Sektor Pelancongan Warisan Di Kuala Krai, Kelantan	81
5.3 Cadangan	84
5.4 Kesimpulan	86
5.5 Penutup	92
Rujukan	88
Lampiran	95

SENARAI RAJAH

NO	HALAMAN
Rajah 2.1 Peta Kawasan Kajian	23
Rajah 2.2 Sampan Tradisional	25
Rajah 2.3 Perkembangan Jeti Dan Bot Di Kampung Mambong, Kuala Krai	26
Rajah 2.4 Jambatan Sultan Ismail Petra	27
Rajah 2.5 Kedudukan Jambatan Sultan Ismail Petra	28
Rajah 2.6 Kerosakan yang Dialami Jambatan Sultan Ismail Petra	29
Rajah 2.7 Tangga Krai	30
Rajah 2.8 Tangga Bradley Asal	31
Rajah 2.9 Pertandingan Rakit Kuala Krai	32
Rajah 2.10 Tembikar Mambong	34
Rajah 2.11 Jambatan Sultan Ismail Petra	35
Rajah 2.12: Tangga Krai (Tangga Bradley)	37

SENARAI JADUAL

NO	HALAMAN
Jadual 3.1 Kerangka Kerja	43
Jadual 3.2 Kaedah Pengumpulan Data	49
Jadual 4.3 Analisis Demografi Responen Mengikut Jantina	61
Jadual 4.4 Analisis Demografi Responen Mengikut Umur	62
Jadual 4.5 Analisis Demografi Responen Mengikut Pekerjaan	63
Jadual 4.6 Analisis Demografi Responen Mengikut Bangsa	64

Impak Pembangunan Sektor Pelancongan Warisan Terhadap Komuniti Di Kuala Krai, Kelantan.

ABSTRAK

Kajian ini dibuat adalah untuk mengetahui impak pembangunan sektor pelancongan warisan terhadap komuniti di bagi ketiga – tiga tempat yang dipilih di sekitar daerah Kuala Krai, Kelantan iaitu Kampung Mambong, Jambatan Sultan Ismail dan juga Tangga Krai. Kajian ini dibuat beradarkan tempat – tempat yang mempunyai nilai warisan yang perlu dilindungi oleh masyarakat sekitar. Kampung Mambong mempunyai nilai sejarah apabila ianya merupakan sebuah tempat yang masih menghasilkan Tembikar Mambong yang pernah digunakan pada zaman pra sejarah. Seterusnya Jambatan Sultan Ismail juga mempunyai siratan sejarah yang hebat kerana ianya merupakan jambatan yang dibina oleh British bagi kegunaan tentera British dan penduduk kampung pada suatu masa dahulu. Tangga Krai merupakan tangga yang dibina sempurna nama ketua daerah jajahan suatu ketika dahulu dan merupakan orang British yang pernah berkhidmat di Kuala Krai. Melihat siratan sejarah yang unik mempunyai Kuala Krai mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai sebuah kawasan pelancongan warisan yang perlu ditonjolkan kepada masyarakat luar. Bagi mendapatkan data maklumat yang diperlukan oleh pengkaji, tinjauan serta temubual telah dilakukan terhadap pihak yang terlibat untuk memastikan setiap maklumat yang diperolehi adalah maklumat yang sahih dan jelas.

Kata kunci: Impak, Masyarakat, Pelancongan Warisan, Pembangunan, Sektor

The Impact of Heritage Tourism Sector Development on the Community in Kuala Krai, Kelantan.

ABSTRACT

This study was done to find out the impact of the development of the heritage tourism sector on the community in the three selected places around Kuala Krai, Kelantan, namely Kampung Mambong, Sultan Ismail Bridge and Tangga Krai. This study was done to identify places that have heritage values that need to be protected by the surrounding community. Kampung Mambong has historical value when it is a place that still produces Mambong Pottery that was used in prehistoric times. Next, the Sultan Ismail Bridge also has a great history because it was a bridge built by the British for the use of the British army and the villagers once upon a time. Tangga Krai is a staircase that was built after the name of the chief of the colony once upon a time and was a British person who had served in Kuala Krai. Seeing the unique history of Kuala Krai has the potential to be developed as a tourism heritage area that needs to be highlighted to the outside world. In order to obtain the information data required by the researcher, the results and interviews were conducted with the parties involved to ensure that each obtained information is authentic and clear.

Keywords: Impact, Society, Heritage Tourism, Development, Sector

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pelancongan berasal daripada perkataan rimiti atau melancong yang menjelaskan tentang melawat sambil melihat atau juga bersenang – senang. Definisi ini ditafsirkan oleh Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka. Pelancongan dalam bahasa Inggeris pula disebut sebagai tourism manakala melancong pula dimaksudkan sebagai travel atau journey. Pelancongan mempunyai pelbagai maksud dan tafsiran tersendiri sesuai dengan pendapat seseorang tokoh tersebut. Pelancongan merupakan sebuah sektor yang semakin berkembang pesat. Hal ini kerana sektor perkhidmatan ini menjadi sumber ekonomi yang memberi pengaruh yang besar kepada pembangunan ekonomi di seluruh negara. Ia juga berfungsi sebagai lambang kemajuan kepada negara bukan setakat dalam negara malahan luar negara. Sektor pelancongan juga menjadi induk utama kepada pendapatan negara dan mampu meningkatkan kadar tukaran wang asing sekaligus menjadikan ekonomi negara kita mampu untuk dinaikkan. Sektor pelancongan mempunyai pelbagai jenis iaitu pelancongan sejarah, eko pelancongan, agro pelancongan, pelancongan pusat peranginan dan sebagainya. Setiap bidang pelancongan ini memainkan peranan yang tersendiri.

Menurut Matthieson dan Wall (1991) pelancongan merupakan waktu senggang yang banyak, ekonomi yang semakin baik, kemudahan pengangkutan yang sempurna telah bergabung untuk membolehkan lebih banyak orang pergi melancong. Pelancongan juga ditakrifkan sebagai gerakan sementara manusia ke destinasi lain di luar tempat kerja atau tempat tinggal yang biasa, kegiatan yang mereka lakukan selama tinggal di destinasi tersebut serta kemudahan yang ditawarkan untuk memenuhi keperluan mereka. Pelancongan juga dianggap sebagai satu kemewahan yang hanya segelintir orang yang mempunyai masa dan wang sahaja mampu melancong. Sektor pelancongan juga dianggap suatu status sosial masyarakat kerana untuk melancong ke sesuatu tempat ianya memerlukan perbelanjaan yang besar untuk membayar kesemua perkhidmatan yang digunakan semasa melancong.

Definisi warisan ialah pusaka peninggalan masa silam yang masih diamalkan pada hari ini dan diperturunkan dari generasi ke generasi. Warisan mempunyai pelbagai definisi yang bersifat sebagai sesuatu perkara yang subjektif dan luas. Warisan tidak menghadkan garis masa yang tertentu untuk menentukan sesuatu khazanah serta peninggalan. Ianya layak digelar sebagai warisan apabila ianya telah ditinggalkan oleh suatu masa untuk suatu masa yang tertentu biarpun tempoh masa yang sangat lama. Warisan ini tiada satu spesifikasi yang tersendiri ianya boleh berbentuk barangan, bangunan, karya penulisan sastera dan sebagainya. Semua yang ditinggalkan akan dikenali sebagai bahan warisan bergantung kepada fahaman individu itu sendiri.

Pelancongan warisan pula ialah pelancongan sejarah yang dilakukan bagi tujuan melawat atau menjungungi kawasan tempat yang mempunyai kesan tinggalan sejarah serta tempat kawasan yang mempunyai warisan yang ditinggalkan. Pelancongan warisan juga berkemungkinan melibatkan lawatan sederhana seni bina sejarah yang terkenal, mengunjungi muzium tempatan ataupun luar negara yang mendokumentasikan kesan tinggalan seperti artifak, seni dan peninggalan sastera. Pelancongan warisan boleh dizahirkan dalam bentuk

mencicip resipi sejarah yang pelik namun ianya perlulah mempunyai kisaran sejarah yang sah di tempat asalnya. Masyarakat kini mengabungkan kunjungan ke tempat bersejarah dengan sesuatu yang menyeronokkan seperti membeli – belah replika sejarah tersebut sebagai kenang – kenangan. Pelancongan budaya dan warisan menjadi faktor tarikan pelancong untuk melawat sesebuah kawasan kerana dorongan untuk mengetahui dengan lebih mendalam keunikan budaya dan warisan tempatan melalui pemerhatian dan pengalaman (Habibah Ahmad *et al.*, 2011).

Pelancongan ini juga bersifat pelancongan pendidikan. Hal ini kerana, pelancongan ini memberi pendidikan kepada pelancong yang melancong ke tempat tersebut mengenali serba sedikit tentang sejarah yang ditinggalkan di tempat tersebut. Negara yang terkenal dengan pelancongan warisan ialah Mesir, Monaco, Indonesia, dan juga Turkiye. Mengikut data yang telah dikeluarkan oleh World Tourism Organization (WTO) pada tahun 2002 pelancongan warisan berjaya menghasilkan sebanyak U\$\$476 billion dan mampu berkembang sehingga 5-6% setahun. Melalui peningkatan yang dikeluarkan oleh WTO membuktikan bahawa sektor pelancongan warisan juga mendapat tempat dalam sektor pelancongan. Pelancongan warisan ini juga mampu menjana sumber pendapatan kepada sesebuah negara sebagai contoh pelancongan warisan yang ditawarkan oleh Mesir iaitu pelancong dapat merasai suasana dan melawat tempat yang terkenal semasa zaman Mesir Purba sebagai contoh Spinx dan Piramid.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kuala Krai merupakan sebuah daerah yang terletak di Kelantan. Daerah ini merupakan sebuah daerah yang mempunyai keluasan sebanyak 2,329km² atau 910 batu persegi iaitu jajahan kedau terbesar di Negeri Kelantan selepas jajahan Gua Musang. Jajahan ini merupakan sebuah jajahan yang telah lama bertapak dan merupakan jajahan tertua yang diwujudkan oleh pemerintahan British pada tahun 1909. Jajahan ini dikenali secara rasmi pada 1 September 1977 namun pada ketika itu jajahan ini tidak dikenali sebagai Kuala Krai melainkan dengan nama Jajahan Ulu Kelantan yang melibatkan Seluruh Jajahan Gua Musang dan Daerah Kuala Balah di Jajahan Jeli. Jajahan ini bersempadan dengan Jajahan Machang di Utara dan Jajahan Gua Musang di Selatan. Manakala di sebelah Timur pula ianya bersempadanan dengan Negeri Terengganu dan di Baratnya jajahan Jeli.

Menurut Asiah Deraman yang merupakan penduduk asal Kuala Krai, nama Kuala Krai ini diberi semperna nama ikan yang ada di kuala sungai. Menurutnya lagi nama ikan tersebut ialah ikan krai yang banyak terdapat di kuala sungai di kawasan tersebut. Oleh disebabkan itu, namanya dikenali sebagai Kuala Krai. Namun, tahap kesahihan cerita ini tidak dapat dibuktikan kerana ianya hanya dicerita secara lisan oleh masyarakat terdahulu yang dicerita dari mulut ke mulut. Menurutnya lagi Kuala Krai sempat menerima penjajah daripada orang British dimana orang melayu ditempatkan di satu kawasan di dalam kampung yang jauh terpencil manakala orang cina pula ditempatkan di pinggir bandar di Kuala Krai iaitu Guchil dan orang India pula ditempatkan di estet – estet getah untuk mengusahakan getah. Melalui apa yang diceritakan oleh Asiah Deraman kesahihan untuk cerita ini tidak dapat disangkal kerana jika dilihat di Kuala Krai sehingga ke hari ini masih lagi berlaku pertempatan begini dimana orang india di Kuala Krai masih lagi menetap di estet – estet.

Pusat pentadbiran Jajahan pada mulanya berada di Kampung Mengkebang, Jalan Batu Lada dan kemudiannya berpindah berdekatan dengan Tangga Krai atau lebih popular dikenali sebagai Tangga Bradley pada tahun 1927 dan kemudiannya berpindah ke bangunan yang baru berpusat di kawasan Guchil pada 22 April 1985 sehingga ke hari ini. Sehingga ke hari ini bandar Kuala Krai mempunyai peranan yang besar terhadap penduduk yang menetap di kawasan yang berdekatan. Hal ini kerana ianya merupakan sebuah pekan yang mempunyai hampir kesemua pejabat pentadbiran yang diperlukan oleh penduduk sekitar. Keperluan ini dari segi pusat pendidikan, pusat pentadbiran, pusat beli belah dan sebagainya. Sebagai contoh pusat pendidikan. Di Kuala Krai mempunyai Pejabat Pendidikan Daerah bukan itu sahaja ianya juga mempunyai sekolah berasrama penuh serta pendidikan teknik vokasional.

Selain itu, Kuala Krai juga dilengkapi dengan sistem taraf kesihatan yang terbaik. Hal ini dikatakan demikian kerana, Kuala Krai mempunyai Hospital Sultan Ismail Petra yang merupakan hospital kedua terbesar di Kelantan. Hospital ini berfungsi sebagai hospital yang dilengkapi oleh pakar. Oleh disebabkan itu juga Kuala Krai berfungsi sebagai pusat untuk kesihatan dan pentadbiran untuk daerah – daerah atau jajahan – jajahan yang berhampirannya. Maka tidak hairanlah jika di Kuala Krai mempunyai pekan yang dilengkapi oleh hampir kesemua yang patut ada di sebuah bandar iaitu dari segi pelancongan, kesihatan, pendidikan, pusat membeli belah dan sebagainya.

1.2 Permasalahan Kajian

Pembangunan di Kuala Krai masih lagi berada keadan yang sedang membangun. Pembangunan di sekitar Kuala Krai lebih tertumpu kepada pembangunan yang umum dan tidaklah memberi fokus yang besar terhadap sektor pelancongan warisan. Hal ini menjadikan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai masih perlu diberikan perhatian yang khusus oleh pihak kerajaan tempatan. Sokongan terhadap pelancongan warisan di Kuala Krai kurang diberikan penekanan. Infstruktur kawasan pelancongan warisan yang kurang menyebabkan kawasan yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai pelamcongan warisan masih lagi kurang diwujudkan. Sokongan pihak kerajaan dalam menyediakan infrastruktur serta kemudahan asas menjadi penyebab utama kawasan tersebut gagal ditubuhkan (Rashid Ahmad, 2012). Masalah ini dapat dilihat apabila pelancong yang sukar masuk ke Kampung Mambong, Kuala Krai kerana terpaksa melalui jalan air atau jalan sungai dan mempunyai kekangan dari segi pengangkutan.

Hussain, Muhammad Hakimi Bin Mohd, (2012) menegaskan bahawa kekurangan dana untuk membangunkan kawasan yang berpontensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan merupakan masalah yang serius kerana dalam menjayakan sesuatu kawasan pelancongan warisan tersebut. Hal ini kerana melalui dana yang diperlukan tersebut akan digunakan dalam penyelenggaraan kawasan tersebut supaya sentiasa berada dalam keadaan yang terbaik dan dijaga dengan rapi akibat daripada ketidakcukupan dana tersebut telah melarang kerja – kerja penjagaan kawasan yang mempunyai nilai sejarah yang tersendiri. Kegagalan dalam menjaga khazanah tersebut menyebabkan bangunan serta momumen yang ada menjaga semakin usang dan terbiar tanpa diuruskan dengan baik oleh pihak yang berwajib dalam menguruskan bahagian ini.

Pengetahuan masyarakat setempat terhadap kawasan tinggalan sejarah yang bernilai ini masih lagi lemah. Oleh disebabkan mereka tidak mengambil tahu nilai warisan yang ada pada bangunan yang ditinggalkan menyebabkan mereka tidak mengambil peduli tentang kawasan tersebut. Hal ini membuatkan mereka tidak bertanggungjawab untuk menjaga kawasan tersebut daripada terus berlaku kerosakan sumbernya. (Asmah Harun, 2017). Segenlir masyarakat kawasan tersebut langsung tidak mengetahui sejarah asal usul 7 primitif atau bangunan tersebut dibina kerana mereka menganggapnya sebagai sebuah bangunan yang buruk dan bernilai untuk mereka jaga.

1.3 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang dapat dikemukakan daripada kajian ini. Antaranya ialah:

- i) Sejuahmanakah perkembangan sektor pelancongan warisan yang wujud di Kuala Krai, Kelantan?
Apakah potensi pembangunan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan?
- ii) Apakah kesan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan?

1.4 Objektif Kajian

Melalui kajian ini terdapat beberapa objektif yang perlu dicapai. Antaranya ialah:

- i) Mengenalpasti perkembangan sektor pelancongan warisan yang wujud di Kuala Krai, Kelantan.
- ii) Menilai potensi pembangunan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan.
- iii) Mengenalpasti kesan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan.

1.5 Skop Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji akan menfokuskan kepada tiga bahagian iaitu perkembangan sektor pelancongan warisan yang wujud di Kuala Krai, Kelantan, potensi pembangunan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan serta kesan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan. Pada bahagian pertama pengkaji akan menerangkan tentang perkembangan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai. Dalam bahagian ini pengkaji akan menerangkan secara jelas tentang perkembangan yang berlaku di setiap daerah yang ada di Kuala Krai untuk sektor pelancongan warisan. Antara jajahan yang diberikan titik fokus dalam kajian ini ialah Dabong, Olak Jeram, dan juga Batu Mengkebang. Untuk mendapatkan data bagi objektif yang pertama ini pengkaji akan menggunakan kaedah temubual. Pengkaji akan menemu bual penduduk kampung disekitar kawasan yang tersebut untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan terperinci.

Seterusnya untuk skop kajian bahagian kedua ialah potensi pembangunan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai. Untuk bahagian ini pengkaji akan menjelaskan setiap potensi sektor pelancongan warisan yang di bangunan di Kuala Krai. Pengkaji juga akan menerangkan tentang sambutan yang diterima dalam kalangan pelancong yang datang tidak kiralah pelancong tempatan ataupun pelancong dari luar jajahan tersebut. Untuk bahagian ini pengkaji akan menggunakan kaedah temubual dan kaedah pemerhatian. Bagi kaedah temubual pengkaji akan menemubual agensi yang terlibat dengan kawasan yang diusahakan oleh mereka. Pengkaji juga akan menemubual pelancong yang datang untuk melancong ke kawasan tersebut.

Pengkaji akan memilih responden secara rawak untuk dtanyakan soalan. Manakala untuk kaedah pemerhatian pula pengkaji akan turun ke kawasan kajian untuk membuat tinjauan terhadap bilangan pelancong yang datang melancong. Pengkaji akan mengambil masa dalam beberapa jam untuk memerhati kawasan kajian untuk mendapatkan data maklumat yang diperlukan.

Selain itu, skop kajian yang dihadkan oleh pengkaji juga ialah kesan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan. Pada bahagian ini pengkaji akan memperlihatkan tentang kesan yang terjadi sebelum dan selepas kawasan tersebut dibangunkan secara kawasan pelancongan. Kesan yang dilihat oleh pengkaji ialah kesan positif dan kesan 10rimitiv yang akan berlaku. Bagi skop kajian ini pengkaji akan mengedarkan borang soal selidik. Sebanyak 377 set borang soal selidik akan diedarkan untuk dijawab oleh pelancong serta mereka yang berada di kawasan tersebut. Borang soal selidik ini mengandungi 10 soalan yang perlu dijawab oleh responden ianya tidak terhad kepada had umur serta taraf pekerjaan. Borang soal selidik ini akan diberikan secara rawak kepada responden untuk dijawab dan tidak akan mengambil masa yang lama untuk menjawabnya.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dibatasi oleh kajian yang berkaitan dengan impak pembangunan sektor pelancongan warisan terhadap tempat – tempat yang mempunyai kesan tinggalan sejarah di Kuala Krai sahaja. Dalam kajian ini hanya mengkaji tentang kesan sekitarnya kawasan yang dipilih dibangunkan sebagai kawasan pelancongan yang berasaskan warisan. Oleh itu pengkaji telah membataskan tentang beberapa tempat melalui kajian ini. Kajian ini menggunakan kedua – dua kaedah iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini juga memerlukan untuk membuat pemerhatian terhadap kawasan kajian. Kajian ini juga memfokuskan tentang pelancongan warisan yang terdapat di Kuala Krai serta potensi kawasan tersebut membangun melalui pelancongan warisan yang akan diwujudkan. Jelaslah bahawa kajian ini hanya dibatasi oleh pelancongan warisan yang hanya terdapat di Kuala Krai sahaja. Selain itu, pengkaji akan menghadkan kepada responden yang tinggal dan datang ke Kuala Krai untuk melancong sahaja. Temubual yang dibuat hanya memfokuskan kepada agensi serta orang yang terlibat dalam sektor pelancongan warisan di Kuala Krai.

1.7 Definisi Termologi

Perkembangan

Perkembangan merupakan sebuah perkataan yang mempunyai imbuhan yang merupakan kata dasar daripada perkataan kembang yang membawa maksud berkembang atau proses untuk menjadi maju atau tersebar atau meluas serta membiak. Perkembangan juga mempunyai maksud pertumbuhan atau kemajuan sesuatu perkara atau juga perindustrian. Perkembangan juga mempunyai kata sinonimnya iaitu mekar. Perkataan ini diterjemahkan oleh Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat.

Sektor

Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamus Dewan Edisi Keempat, sektor membawa maksud bidang sesuatu usaha yang merangkumi kegiatan yang diusahakan sebagai contoh sektor pelancongan. Sektor merupakan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris yang juga bermaksud sebagai jurusan, kategori atau juga cabang.

Komuniti

Definisi bagi komuniti ialah kumpulan orang yang tinggal di sesuatu daerah, negara atau masyarakat yang tinggal di sesuatu tempat atau sesebuah negara yang pada umumnya orang ramai. Komuniti juga merujuk kepada kumpulan individu yang menetap di sesuatu kawasan dalam jumlah yang tertentu. Terjemahan ini dirujuk daripada Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat.

Impak

Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat, impak bermaksud kesan yang ketara terhadap sesuatu perkara atau juga dikenali sebagai dampak. Perkataan ini juga merupakan perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris. Perkataan ini juga boleh diertikan sebagai implikasi yang akan terjadi terhadap sesuatu perkara yang diambil tindakan. Impak biasanya merupakan sebuah perubahan yang besar berdasarkan daripada apa yang akan berlaku.

Warisan

Warisan mempunyai pelbagai definisi yang tersendiri sesuai dengan penggunaannya. Warisan mengikut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat, perkataan warisan ini merupakan kata pinjaman bahasa Arab yang sinonim dengan penama iaitu penerima harta, penerima pusaka, anggota keluarga, darah daging, adik – beradik, sanak saudara atau juga perkara yang diwariskan kepada generasi akan datang daripada generasi yang terdahulu. Warisan juga membawa erti penjaga iaitu pengasuh, penyelenggaraan, atau juga pemelihara sesuatu benda atau manusia.

1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan bagi kajian impak pembangunan sektor pelancongan warisan terhadap komuniti di Kuala Krai, Kelantan ialah :

Individu

Kepentingan kajian ini bagi individu ialah dapat dijadikan sebagai sumber rujukan untuk kajian yang akan dilakukan. Dengan kajian yang dilakukan juga dapat mengembangkan ilmu pengetahuan berkaitan impak yang akan berlaku jika sektor pelancongan warisan diwujudkan di kawasan luar bandar seperti Kuala Krai. Hal ini dikatakan demikian dapat dijadikan rujukan bagi individu yang memerlukan maklumat berkaitan dengan kajian ini.

Masyarakat

Dengan kajian ini dapat memperkenalkan sektor pelancongan berasaskan warisan yang wujud di Kuala Krai sekaligus mempromosikan Kuala Krai kepada masyarakat yang tidak mengenali Kuala Krai. Dengan 14 rimitiv dapat membuka mata – mata masyarakat yang tidak mengenali Kuala Krai menjadi lebih mengenali Kuala Krai. Selain itu, dapat memberi pendedahan tentang kesan perkembangan sektor pelancongan warisan di kawasan mereka dan mampu menarik minat mereka untuk memperluaskan lagi sektor ini.

Kerajaan

Kepentingan kajian ini terhadap kerajaan ialah dapat membuka pasaran baru terhadap sektor pelancongan warisan yang ada di Kuala Krai. Selain itu, dapat menambah baik infrastruktur yang ada di kawasan tersebut. Kerosakkan yang berlaku di kawasan tersebut juga dapat diatasi dengan lebih baik. Disamping itu, kerajaan mampu menarik lebih ramai pelancongan yang meminati bidang ini untuk datang melancong ke negara kita.

Agensi Pelancongan

Melalui kajian ini dapat memberi kepentingan kepada agensi pelancongan kerana kawasan pelancongan warisan di Kuala Krai dapat diperkenalkan dan diiklankan kepada orang ramai. Sekaligus dapat meningkatkan bilangan pelancong untuk datang dan merasai sendiri suasana ketika melancong di Kuala Krai. Kepelbagaian variasi pelancongan juga dapat diwujudkan di negara kita.

Penyelidikan

Kajian ini dapat memberikan satu gambaran serta kesedaran kepada masyarakat tentang Kuala Krai juga mempunyai tempat warisan yang patut dijaga oleh masyarakat serta golongan yang berwajib bagi memastikan khazanah sejarah yang ditinggalkan di kawasan ini dapat dijaga dengan baik untuk meneruskan sektor pembelajaran yang berasaskan sejarah dan warisan. Hal ini dikatakan demikian kerana, hasil yang terdapat di Kuala Krai dapat digunakan dengan sepenuhnya. Dengan penyelidikan terhadap kajian ini ilmu bahawa dalam bidang ini dapat dizahirkan.

1.9 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dalam bab ini pengkaji menjelaskan berkaitan dengan perkara yang perlu dilakukan sepanjang kajian ini dijalankan. Dalam bab ini juga menjadi titik fokus yang perlu diambil berat oleh pengkaji supaya setiap gerak kerja yang akan dilakukan bagi menjawab kesemua yang perlu dicapai dalam kajian ini. Jelaslah bahawa untuk menyiapkan kajian ini terdapat beberapa aspek dan perkara yang perlu diambil berat supaya setiap tindakan yang diambil dalam kajian ini mempunyai perancangan yang khusus dan tiada yang tertinggal kerana setiap perkara yang terdapat dalam kajian ini amatlah penting dalam mengumpul setiap maklumat yang diperlukan. Segala perkara yang ditetapkan perlulah disusun dengan sebaiknya supaya segala gerak kerja yang perlu dilakukan akan berjalan dengan lancar bagi memastikan proses kutipan data direkodkan dengan baik oleh pengkaji.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Kajian ini dibuat berdasarkan sumber yang diperolehi oleh penyelidik – penyelidik yang terdahulu di mana mereka telah membuat rujukan berdasarkan tajuk yang sama. Kajian ini merupakan kesinambungan daripada kajian yang terdahulu. Bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji membuat penelitian terhadap kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji sebelumnya. Tujuan membuat penelitian kajian lepas adalah untuk mencari lebih banyak maklumat yang boleh digunakan oleh pengkaji dalam menyiapkan kajian ini. Pengkaji telah menganalisis hasil kajian lepas sepanjang pengkaji menjalankan penelitian. Pengkaji juga menggunakan beberapa sumber penulisan ilmiah untuk dijadikan sebagai rujukan untuk pengkaji menyiapkan projek penyelidikan ini di mana pengkaji telah menggunakan sumber dari kajian terdahulu sebagai salah satu sumber rujukan. Antara rujukan yang dirujuk oleh pengkaji ialah jurnal -jurnal ilmiah dan buku – buku yang berkaitan dengan tajuk kajian yang sama. Kajian ini dibuat untuk mengetahui impak pembangunan sektor pelancongan warisan yang terjadi terhadap komuniti yang tinggal di Kuala Krai, Kelantan.

2.1 Pelancongan Warisan

Pelancongan merupakan sebuah sektor yang sangat terkenal di seluruh dunia. Hal ini kerana sektor pelancongan merupakan sebuah sektor yang paling diminati oleh semua orang terutamanya golongan atasan yang mempunyai hobi melancong ke sesuatu tempat. Oleh disebabkan itu, setiap negara berlumba – lumba untuk meningkatkan sektor pelancongan negaranya kepada mata dunia. Di Malaysia juga tidak terkecuali untuk membangunkan sektor pelancongan untuk dikembangkan ke seluruh dunia. Setiap negeri juga turut bergabung tenaga untuk memajukan sektor pelancongan di seluruh tempat sehinggalah di kawasan luar bandar. Mengikut Zuliskandar (2015) kawasan luar bandar mempunyai keunikan tersendiri kerana di kawasan luar bandar terdapat banyak kawasan yang mempunyai keunikan alam semula jadi yang asli untuk diterokai dan perlu dimajukan bagi tujuan pelancongan. Perkara ini menjadikan galakkan kepada agensi yang terlibat untuk membangunkan kawasan pelancongan di luar bandar.

Pelancongan memberi impak yang tersendiri terhadap komuniti masyarakat setempat kerana apabila sektor pelancongan mengalami pengembangan kehidupana masyarakat juga turut mengalami perubahan. Perubahan ini dapat dilihat apabila hasil tangan masyarakat tempatan berjaya untuk dipasarkan terutamanya industri pembuatan kraf tangan yang dihasilkan oleh penduduk sekitarnya. Pernyataan ini disokong oleh Che Rose et al. (2018) yang menyatakan bahawa kemampuan penawaran barangan industri kecil dan sederhana berjaya untuk dipasarkan kepada para pelancong yang datang ke kawasan komuniti setempat. Sebagai contoh di Kuala Krai terdapat satu kampung yang sangat terkenal dengan pembuatan Tembikar Mambong yang terletak di Kampung Mambong, Kuala Krai, Kelantan. Dengan keistimewaan yang terdapat di kampung tersebut berjaya untuk menarik pelancong untuk masuk melancong

ke Kampung Mambong di Kuala Krai, Kelantan sedangkan kampung tersebut boleh dikategorikan sebagai pendalaman kerana untuk masuk ke kampung tersebut memerlukan pelancong untuk menaiki bot atau perahu menyelusuri sungai di Kuala Krai. Namun dengan perkembangan sektor pelancongan turut memberi impak kepada penghasilan tembikar mambong kerana keboleh pasarannya kepada pelancong yang datang untuk membuat dan membeli tembikar tersebut. Oleh disebabkan impak pelancongan yang memberi kesan kepada kampung tersebut menjadikan Kampung Mambong sebagai kampung yang disoroti dengan tempat penghasilan Tembikar Mambong.

Perkembangan sektor pelancongan menjadi impak kepada perubahan kepada sosio ekonomi terhadap kawasan setempat kerana banyak tertubuhnya peluang pekerjaan untuk menguruskan pelancongan tempatan. Pernyataan ini disokong melalui penulisan Safura Ismail pada tahun (2015) yang menyatakan bahawa pembangunan sektor pelancongan juga mampu memberi kesan kepada sosial komuniti setempat. Hal ini kerana sebelum berlakunya pembangunan sektor pelancongan penduduk kampung hanya menfokuskan perkerjaan bidang pertanian sahaja seperti mengusahakan ladang getah dan juga ladang kepala sawit. Namun apabila sektor pelancongan ditubuhkan di kawasan pertempatan mereka. Sektor sosial mereka turut mengalami perubahan dimana mereka juga terlibat dengan sektor pelancongan. Perkara ini dapat dilihat apabila kawasan perdalaman mengalami perkembangan sektor pelancongan seperti di kawasan perkampungan di Kampung Mambong, Kuala Krai, Kelantan.

Impak pembangunan sektor pelancongan warisan terhadap komuniti di Kuala Krai juga menyebabkan masyarakat mula menerima sektor pelancongan warisan sebagai sumber mereka untuk menambahbaik sektor ekonomi serta taraf kehidupan seharian mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana akibat daripada perkembangan sektor pelancongan infrastruktur mereka menjadi semakin baik. Pernyataan ini diulas oleh Norazni Syaripudin (2017) yang menyatakan bahawa masyarakat mula mengambil sektor pelancongan sebagai satu penyebab kepada penambahbaikan kehidupan seharian mereka. Masyarakat mula menghargai tentang perubahan yang dimainkan oleh sektor pelancongan menjadi penyebab bahawa hasil kampung atau kraf tangan yang dibuat mula mendapat sambutan yang mengalakkan. Infrastruktur kawasan mereka mula bertambah baik. Perkara ini dapat dilihat apabila kawasan yang mempunyai had capaian internet yang sukar kini kian bertambah baik. Kawasan yang mempunyai kesukaran untuk berkomunikasi kini semakin baik daripada sebelum.

Pembangunan sektor pelancongan memberi impak yang positif kepada komuniti tempatan. Hal ini dikatakan demikian kerana pembangunan sektor pelancongan menyebabkan komuniti setempat peluang pekerjaan. Pernyataan ini dikeluarkan oleh Christopher Perumal et al. (2016). Peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada penduduk setempat biasanya dalam bahagian pembinaan, pengurusan, serta perniagaan. Perkara ini sedikit sebanyak membantu komuniti setempat. Sebagai contoh di Tangga Kuala Krai, Kelantan. Sebelum ianya terkenal sebagai sebuah tempat sejarah dan merupakan jeti untuk menghubungkan ke sekitar kampung pendalaman. Tangga tersebut merupakan sebuah tangga biasa yang dibangunkan oleh penduduk kawasan tersebut. Namun, setelah ianya terkenal dengan sejarahnya yang dinamakan sebagai nama Ketua Pentadbiran Jajahan Kuala Krai pada masa itu iaitu Mr. Gerald Bradley yang berkhidmat dari tahun 1927 sehingga tahun 1955. Oleh disebabkan itu, pembangunan sektor pelancongan warisan mendatangkan impak yang positif kepada komuniti setempat.


Sektor pelancongan menjadi lebih rancak apabila masyarakat setempat mula mengusahakan inap desa, pembukaan kawasan rehat dan sebagainya. Pernyataan ini ditulis oleh Parveen Kaur et al. (2016). Hal ini terjadi akibat daripada impak pembangunan sektor pelancongan dimana masyarakat mula menceburi sektor pelancongan dan komuniti mula mempunyai pandangan yang jauh dalam bidang sektor pelancongan Azhar Abd Gani (2013) yang menjadikan masyarakat mulai serius untuk meneruskan bidang yang diceburi oleh mereka. Sebagai contoh, di sekitar kawasan Kuala Krai yang mempunyai potensi tersebut terdapatnya rumah tumpangan, inap desa dan sebagainya. Pengusaha chalet telah menyediakan perkhidmatan chalet kepada pengunjung yang ingin bermalam di Air Terjun Istana Sangkut. Melalui pandangan kasarnya ianya merupakan satu impak yang positif selepas berlakunya pembangunan sektor pelancongan di Kuala Krai kerana ianya telah membuka cabang rezeki kepada penduduk sekitarnya jika mereka mengambil ianya sebagai satu perkara yang serius.

2.2 Perkembangan sektor pelancongan warisan yang wujud di Kuala Krai, Kelantan

Perkembangan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai masih berada dalam tahap yang membangun secara perlahan dan memerlukan penenakan yang lebih berskala besar. Perkembangan sektor pelancongan di Kuala Krai tidaklah sepesat di kota sejarah yang terkenal di Malaysia iaitu Bandaraya Bersejarah Melaka. Perkembangan yang berlaku di Kuala Krai hanyalah dalam konteks yang kecil lebih – lebih lagi dalam sektor pelancongan warisan jika dibandingkan dengan pelancongan yang bersifat umum seperti ekopelancongan. Titik fokus perkembangan pelancongan di Kuala Krai lebih tertumpu kepada pelancongan yang lebih kepada aktiviti melawat sahaja tanpa melibatkan pelancongan sejarah mahupun warisan.

Perkembangan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai dilihat daripada aspek kesesuaian tempat yang dipilih iaitu ianya mestilah memenuhi kriteria dalam konteks sejarah ataupun warisan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pelancongan warisan sangat menekankan unsur sejarah yang ditinggalkan di tempat tersebut. Oleh disebabkan itu, terdapat beberapa tempat tinggalan sejarah yang mempunyai keunikan yang tersendiri yang dipilih oleh pengkaji yang mempunyai perkembangan dalam pelancongan warisan walaupun ianya tidaklah mengalami perubahan yang 22rimiti. Antara tempat pelancongan warisan yang mengalami perubahan adalah :

2.2.1 Kampung Mambong, Kuala Krai, Kelantan



Gambar 2 .1: Peta Kawasan Kajian (Kampung Mambong, Kuala Krai)

Sumber : Google

(https://en.wikipedia.org/wiki/Kuala_Krai_District)

Kampung Mambong merupakan sebuah kampung yang terletak dalam daerah Kuala Krai. Kampung ini merupakan sebuah perkampungan kecil yang terletak sepanjang Sungai Galas dan Sungai Kelantan. Kampung Mambong sangat terkenal dengan pembuatan tembikar pada zaman pra sejarah iaitu Tembikar Mambong. Nama tembikar tersebut diambil semperna nama kampung tersebut dan dipercayai dijumpai di kampung ini. Bilangan penduduk kampung ini yang sedikit iaitu 5000 penduduk sahaja jika dibandingkan dengan kampung lain yang terdapat di Kuala Krai. Perjalanan untuk sampai ke kampung ini mengambil masa lebih kurang 45 minit dengan menaiki sampan atau bot penambang yang menyelusuri Sungai Kelantan. Satu

– satunya cara untuk masuk ke kampung ini adalah dengan cara menggunakan jalan air atau jalan sungai. Pelancong tidak diberikan pilihan lain selain daripada melalui jalan sungai.

Kampung Mambong juga mempunyai jalan darat seperti pada umumnya namun jalan darat untuk masuk ke kampung ini lebih jauh jika dibandingkan dengan jalan sungai yang lebih menjimatkan masa. Namun, perjalanan menaiki sampan atau bot bukanlah satu perjalanan yang membosankan kerana pelancong akandisajikan dengan pemapndangan yang indah sepanjang perjalanan ini. Pelancong akan dapat merasai satu pengalaman yang baru semasa menyelusuri sepanjang sungai itu. Pelancong dapat menikmati persekitaran kiri dan kanan tebing sungai Kelantan yang indah dengan pelbagai spesis flora dan fauna yang kadang – kadang jarang pelancong temui di tempat lain.

Perkembangan sektor pelancongan warisan sedikit sebanyak telah memberi satu perkembangan yang positif kepada komuniti setempat dan pelancong yang datang melancong ke kampung tersebut. Antaranya perkembangan yang berubah pada komuniti dan pelancong adalah infrastuktur pengangkutan kampung ini semakin membaik. Mengikut Sulaiman Abbas, yang merupakan orang lama yang menetap di kampung tersebut. Pada zaman dahulu sebelum masyarakat luar mengenali kampung tersebut sebagai tempat membuatkan tembikar Mambong. Mereka hanya menggunakan sampan biasa yang hanya boleh memuatkan 6 orang sahaja dalam satu – satu masa perjalanan. Sampan tersebut juga adalah milik persendirian orang kampung sekitar tersebut.



Gambar 2.2 : Sampan Tradisional

Sumber : Google (<https://youtu.be/jxEDnNa88Kw>)

Menurutnya lagi sampan yang mereka gunakan hanya sampan biasa yang tidak lagi digunakan pada masa kini. Sampan yang mereka gunakan adalah sampan tradisional yang hanya menggunakan tenaga manusia iaitu dengan kaedah mengayuh dengan pengayuh sampan tidaklah moden seperti hari ini yang menggunakan enjin yang berkuasa tinggi yang boleh menjimatkan masa. Pada kebiasaannya setiap satu rumah akan memiliki sampan yang sendiri untuk digunakan oleh seisi keluarga bagi memudahkan mereka keluar untuk membeli keperluan seharian dan ada juga keluarga yang kurang berkemampuan akan berkongsi sampan.

Namun, perkembangan jaringan pengangkutan telah berubah kepada pengangkutan yang lebih baik. Setelah mereka menerima pelancong yang datang melancong ke kampung mereka. Penduduk kampung mengambil inisiatif untuk menggunakan sampan yang menggunakan bot berkuasa tinggi yang mampu menjimatkan masa untuk mereka sampai ke kampung tersebut. Oleh disebabkan itu, pelancong yang datang ke kampung mereka akan disediakan kemudahan bot penambang kepada pelancong bagi memudahkan pelancong untuk

datang melancong ke kampung mereka. Harga yang dikenakan oleh pelancong ialah RM 1 sehingga RM 5 satu kepala atau harga sewa sebuah bot iaitu sebanyak RM150 bagi satu bot.


Pada tahun 2014 perusahaan tembikar di Kuala Krai mampu merencanakan lagi Tahun Melawat Malaysia 2014 (TMM 2014) menerusi pembuatan Tembikar Mambong. Oleh disebabkan itu, ianya mampu membuatkan kampung Mambong terkenal sebagai sebuah kampung yang mengusahakan tembikar zaman pra sejarah dan menyebabkan pertambahan bilangan pelancongan yang datang melancong dalam bidang pelancongan warisan tersebut. Hal ini menjadikan pihak bukan kerajaan (NGO) iaitu Malaysian Relief Agency (MRA) dan pihak kerajaan tempatan bekerjasama untuk menyediakan kemudahan jeti yang lebih baik serta bot yang berkuasa tinggi yang mampu memendekkan masa perjalanan untuk ke kampung tersebut. Bot tersebut dibina oleh penduduk kampung tersebut yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembuatan bot dan mampu memuatkan sebanyak 40 orang penumpang. Bot ini akan digunakan oleh penduduk tempatan dan juga pelancong yang datang melancong ke tempat mereka.



Gambar 2.3 : Perkembangan Jeti dan Bot di Kampung Mambong, Kuala Krai

Sumber : Google (<https://youtu.be/jxEDnNa88Kw>)

2.2.2 Jambatan Sultan Ismail Petra Sungai Nal, Kuala Krai



Gambar 2.4 : Jambatan Sultan Ismail Petra

Sumber : Google

(https://www.facebook.com/ilovekualakrai/posts/jambatan-gantung-sultan-ismail-kuala-krai-atau-jambatan-sungai-nal-merupakan-sat/2658175434285674/?locale=ms_MY)

Jambatan Sultan Ismail Petra atau juga dikenali Jambatan Sungai Nal yang merupakan sebuah jambatan gantung yang pertama di Kelantan yang menjadi penghubung kepada laluan Kuala Krai dengan Kota Bharu. Jambatan ini juga merupakan sebuah jambatan yang dibuat oleh tentera British pada tahun 1920 an. Jambatan ini telah disempurna perasmian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail pada 19 April 1932. Perletakkannya yang berhampiran dengan kawasan perindustrian Batu Jong di antara laluan persekutuan Kuala Krai dan menghala ke Kota Bharu. Jambatan ini juga terletak kira – kira 11 kilometer dari bandar Kuala Krai, Kelantan.

Perkembangan yang dapat dilihat apabila wujudnya pelancongan warisan di tempat ini bukanlah satu perkembangan yang positif. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila jambatan yang lebih moden dibina disebelahnya jambatan gantung ini secara automatiknya dilupakan oleh masyarakat setempat kerana fungsinya telah diambil alih sepenuhnya. Mengikut Siti Salmiah Ahmed jambatan gantung ini yang dahulunya menjadi satu lambang kemegahan yang dibina oleh British yang menjadi pernah satu medium utama untuk penghubungan antara dua kawasan tersebut. Kini ianya dibiarkan memburuk tanpa ada penjagaan yang rapi daripada pihak berkuasa tempatan. Menurutny lagi jambatan tersebut mempunyai banyak kisah sejarah yang patut diangkat sebagai 28 rimitiv warisan namun dibiarkan ibarat tidak mempunyai nilai yang tinggi.



Gambar 2.5: Kedudukan Jambatan Sultan Ismail Petra

Sumber : Google (<https://images.app.goo.gl/NkfND8qZAaomEv5h6>)

Perkembangan jambatan tersebut setelah ianya dikenali pada pihak umum hanya mengetahuinya adalah jambatan gantung yang mempunyai nilai sejarah semata – mata. Namun, masyarakat sekitar tidak berani untuk masuk ke kawasan tersebut kerana ianya telah diamaran oleh pihak berkuasa tempatan akibat daripada struktur lantainya yang merupakan bahan utamanya adalah kayu yang sememangnya senang mereput jika tidak dijaga dan diselenggara dengan baik. Kerosakan yang paling jelas terjejas kerosakannya adalah bahagian lantai kayu manakala struktur binaan badannya masih lagi utuh kerana ianya diperbuat dengan bahan besi yang kukuh.




Gambar 2.6: Kerosakan yang dialami Jambatan Sultan Ismail Petra

Sumber : Kajian Lapangan

MALAYSIA
KELANTAN

2.2.3 Tangga Krai (Tangga Bradley)



Gambar 2.7: Tangga Bradley (Tangga Krai)

Sumber : Google (<https://www.flickr.com/photos/153066803@N04/37134508174>)

Tangga Bradley merupakan sebuah tangga yang cukup terkenal di Kuala Krai sebut sahaja tangga Bradley semua penduduk Kuala Krai akan terbayangkan sebuah tangga yang cukup lama usianya. Tangga Bradley merupakan tangga yang dibina pada tahun 1927 sehingga 1929 yang diberi nama semperna nama Ketua Jajahan Kuala Krai suatu ketika dahulu iaitu Sir Gerald Bradley yang pernah berkhidmat untuk tentera British yang menjajah Kuala Krai pada zaman dahulu. Tangga ini merupakan tangga untuk turun ke jalan sungai bagi penduduk sekitar yang menggunakan jalan air untuk mereka masuk ke kampung mereka. Tangga ini juga digunakan sebagai penyukat aras sungai semasa musim tengkujuh kerana kedudukannya yang bersambung dengan sungai Kelantan. Pada asalnya tangga ini dibina untuk pelabuhan perahu – perahu kecil dari serata tempat.

Perkembangan sektor pelancongan warisan telah membuatkan struktur tangga disini sentiasa dijaga dengan baik. Jika dibandingkan dengan struktur tangga dahulu sebelum mengalami perkembangan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai tangga tersebut dibina dengan keadaan sederhana tanpa adanya 31rimi dan dicat. Tangga asalnya hanya dibina dengan simen biasa. Namun, setelah kawasan tersebut menjadi daya penarik kepada pelancongan warisan di Kampung Mambong, ianya telah menjadi penghubung utama ke kampung tersebut. Hal ini dikatakan demikian, cara untuk masuk ke Kampung Mambong yang bertindak kepada tempat penghasilan tembikar pra sejarah perlulah menggunakan tangga ini untuk turun ke sungai yang menjadi nadi pengangkutan utama. Tangga ini masih lagi digunakan sehingga ke hari ini dan tetap dijaga dengan baik walaupun ianya sering mengalami kemusnahan apabila berlakunya limpahan air sungai semasa musim tengkujuh.



Gambar 2.8 : Tangga Bradley Asal

Sumber : Google (<https://encrypted-tbn0.gstatic.com/images?q=tbn:ANd9GcTVY9-L-KyR47snscJk62jZuv4MHJm7LKYvOg&usqp=CAU>)

Selain itu, pertandingan warisan yang melibatkan air juga dijalankan disungai tersebut. Pertandingan rakit berhias juga sentiasa diadakan dikawasan tersebut yang menjadi pertandingan tahunan di Kuala Krai. Pertandingan tersebut akan disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat yang berminat dalam membuat rakit. Oleh disebabkan aktiviti sebegitu diadakan membuatkan Tangga Krai terkenal dalam kalangan masyarakat tempatan. Pertandingan yang menjadi acara tahunan tersebut mampu menarik pelancong tempatan untuk datang melancong ke kawasan tersebut untuk menyaksikan sendiri pertandingan tersebut diadakan. Pertandingan ini memerlukan para peserta untuk menyelusuri sungai untuk ke kampung – kampung yang telah ditetapkan bagi melihat ketahanan binaan rakit tersebut. kecantikan rakit juga diambil kira dalam pertandingan ini.



Gambar 2.9 : Pertandingan Rakit Kuala Krai

Sumber : Google (<https://images.app.goo.gl/aemC61b7H3nYx1mG6>)

2.3 Potensi pembangunan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan

Kuala Krai mempunyai banyak potensi jika dibangunkan sebagai sebuah kawasan pelancongan yang seiring dengan negeri lain kerana ianya juga mempunyai daya tarikan warisan yang tersendiri yang mampu menarik para pelancong untuk datang melancong ke dalam daerahnya tetapi dalam membangunkan Kuala Krai sebagai sebuah daerah yang pembangun dalam sektor pelancongan warisan, ianya memerlukan modal yang tinggi serta pemerhatian yang khusus dalam bab ini Razali (2018) kerana modal yang diperlukan untuk membangunkan sesebuah kawasan pelancongan memakan nilai pembelanjaan yang tinggi. Kuala Krai berpotensi dalam dibangunkan sebagai sebuah daerah yang mempunyai sektor pelancongan.

2.3.1 Potensi Sebagai Tempat Pembuatan Tembikar Pra Sejarah

Potensi yang jelas ditonjolkan Kuala Krai adalah berpotensi dibangunkan sebagai tempat pembuatan tembikar pra sejarah. Hal ini kerana tembikar di Kelantan telah wujud pada zaman pra sejarah lagi. Mengikut Prof Dr Tajul Shuhaizam Said 2022, kebanyakan jumpaan artifak pada zaman neolitik di Kelantan menandakan wujudnya tanda – tanda awal wujudnya masyarakat awal menggunakan medium tanah liat sebagai barangan kegunaan harian. Oleh disebabkan itu, jumpaan semiosis iaitu hubungan antara tembikar dengan ketamadunan manusia berkait rapat. Selain itu, Kuala Krai merupakan satu – satu tempat yang masih menghasilkan seni permbuatan tembikar pra sejarah dan masih menggunakan tangan tanpa menggunakan sebarang alatan bantuan. Tembikar Mambong ini dikesan dalam masyarakat Mambong sejak tahun 1868.

Kuala Krai mampu dibangunkan sebagai sebuah kawasan yang mempunyai tempat pembuatan tembikar pra sejarah. Tembikar Mambong merupakan sebuah tembikar yang telah wujud sejak zaman pra sejarah lagi kerana ada bukti yang menyatakan bahawa tembikar ini ditemui pada zaman tersebut dan ahli arkeologi percaya bahawa tembikar ini digunakan dalam kehidupan seharian mereka. Maka tidak hairanlah Tembikar Mambong sangat terkenal sehingga mendapat liputan yang khusus. Jelaslah bahawa Kuala Krai mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai sebuah tempat pelancongan warisan hasil kraftangan di Kuala Krai, Kelantan.



Gambar 2.10: Tembikar Mambong

Sumber : Google (<https://www.flickr.com/photos/144012906@N08/30202485486>)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.3.2 Potensi Sebagai Tinggalan Sejarah

Pelancongan berasaskan sejarah juga boleh dibangunkan di Kuala Krai. Hal ini kerana pada tahun 1900, kedudukan British di Tanah Melayu memilih Kuala Krai salah satu tempat jajahan takluknya kerana ianya mempunyai sumber mineral yang sangat berharga seperti emas. Oleh disebabkan itu, cari gali emas giat dilakukan oleh tentera British bagi mengaut keuntungan di Tanah Melayu ini. Jika dilihat daripada sudut sejarah yang terdapat di Kuala Krai boleh diiktiraf sebagai satu pertempatan yang sangat maju sejak 40 tahun yang lalu sebelum ianya diserahkan oleh Kesultanan Melayu kepada tangan penjajah iaitu pihak British. Oleh disebabkan itu, Kuala Krai merupakan satu tempat yang pada mulanya terlebih awal yang terdedah dengan teknologi. Terdapat beberapa tempat yang mempunyai kesan tinggalan sejarah yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai tempat tinggalan sejarah.



Gambar 2.11: Jambatan Sultan Ismail Petra

Sumber : Google

(<https://www.flickr.com/photos/158485565@N04/37844629911>)

Sebagai contoh Jambatan Gantung Sultan Ismail Petra yang merupakan sebuah jambatan gantung yang menjadi peninggalan sejarah. Jambatan ini dibina oleh British pada tahun 1920. Jambatan ini terletak di laluan persekutuan 8 di Kuala Krai, Kelantan. Jambatan ini dibina untuk kegunaan seharian untuk menyeberangi Sungai Gai. Oleh disebabkan zaman dahulu penggunaan kereta tidak begitu terkenal kerana masyarakat dahulu yang berjalan kaki dan menaiki basikal sahaja maka jambatan yang dibina kecil sahaja sesuai dengan penggunaan pada masa itu. Jambatan ini masih lagi ada dan dikekalkan sehingga ke hari ini walaupun tidak lagi digunakan untuk kegunaan harian. Namun, masih ada yang datang ke jambatan tersebut untuk diambil gambar perkahwinan kerana binaannya yang cantik. Maka jelaslah kawasan ini mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai sebuah kawasan pelancongan berasaskan sejarah.



2.12: Tangga Krai (Tangga Bradley)

Sumber: Google

(<http://9w2dya.blogspot.com/2018/03/tangga-bradley-tangga-krai.html>)

Selain daripada Jambatan Gantung Sultan Ismail Petra, Kuala Krai juga mempunyai kesan tinggalan sejarah yang lain iaitu Tangga Krai atau juga dikenali sebagai Tangga Bradley. Tangga ini merupakan sebuah tangga yang dibina di Kuala Krai yang terletak di tepi Sungai Kelantan dan bersebelahan dengan Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Krai. Tangga ini dibina pada sekitar tahun 1927 yang pada asalnya dikenali sebagai Tangga Bradley semperna nama ketua jajahan pada ketika itu dan ditukar kepada Tangga Krai pada tahun 1994. Tangga ini berfungsi sebagai penghubung kepada pengkalan pengangkutan air serta menghubungkan Kuala Krai dengan beberapa perkampungan di hulu dan hilir bandar yang tidak boleh sampai dengan laluan darat. Tangga ini mempunyai 81 batang anak tangga yang sangat penting kepada penduduk sekitar. Tangga ini juga berfungsi sebagai penyukat paras air sungai. Oleh disebabkan itu tangga ini sangat terkenal dan berpotensi untuk dibangunkan sebagai sebuah kawasan pelancongan yang berasaskan sejarah.

2.3 Kesan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan

Pelancongan memainkan peranan yang penting terhadap kemajuan negara kerana ianya menjadi tunjang utama dalam menaikkan hasil pendapatan negara sehingga mampu memberi kesan yang ketara terhadap pembangunan negara. Kesan yang diberikan daripada hasil pembangunan sektor pelancongan memberikan satu impak yang jelas terhadap masyarakat sekitar serta pelancong yang datang melancong ke sesuatu tempat. Maka tidak hairanlah pelancongan menjadi sebuah cabang kepada sektor pembangunan negara. Terdapat dua kesan yang dimainkan oleh sektor pelancongan antaranya ialah kesan positif dimana pelancongan mampu menjadi peneraju kepada pembangunan sesebuah tempat. Kesan kedua ialah kesan 38rimitiv apabila sektor pelancongan dibuka kepada orang awam.

Bagi kesan yang pertama iaitu kesan positif. Pelancongan mendatangkan kesan positif terhadap penjanaaan peluang pekerjaan. Apabila sesebuah sektor pelancongan dibuka secara komesial. Sektor ini memerlukan pekerja yang ramai untuk menguruskan sektor ini tidak kira dari segi perkhidmatan, jualan dan sebagainya. Oleh disebabkan itu, kesan positif kepada sektor pelancongan ialah membuka peluang pekerjaan baru terhadap komuniti setempat. Hal ini membuka peluang pekerjaan kepada golongan remaja terutamanya untuk terlibat dalam bidang ini. Apabila peluang pekerjaan dibuka ianya juga memberi jaminan bahawa masyarakat setempat juga turut terlibat sama dalam sektor pelancongan.

Seterusnya, kesan positif yang dapat dilihat daripada sektor pelancongan ialah mengubah sosio ekonomi komuniti setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana berlaku perubahan sosio ekonomi masyarakat kerana masyarakat bukan hanya bergantung kepada pekerjaan pertanian yang hanya menguruskan ladang milik mereka malahan mereka juga melibatkan diri dalam sektor pelancongan. Sebagai contoh mereka juga turut terlibat dengan sektor perkhidmatan dimana mereka menawarkan inap desa untuk pelancong yang datang ke kawasan mereka bukan itu sahaja ada dalam kalangan mereka yang turut menyediakan perkhidmatan membawa pelancong untuk melawat kawasan menarik yang ada di kawasan mereka. Masyarakat setempat mula membuka banyak kawasan persendirian mereka untuk dikembangkan sebagai pusat pelancongan.

Namun, kesan negatif juga turut timbul apabila pembukaan sektor pelancongan tidak dirancang dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembangunan sektor pelancongan yang tidak dirancang mendatangkan kesan yang buruk apabila berlakunya kepupusan sumber yang sepatutnya dijaga di kawasan tersebut turut musnah. Sebagai contoh berlakunya kejadian tanah runtuh disebabkan oleh kawasan tanah yang berbukit diratakan untuk dijadikan kawasan inap desa sedangkan kawasan tersebut langsung tidak sesuai untuk dijadikan tempat pembangunan.

Selain itu, berlakunya pencemaran sampah sarap akibat daripada pengurusan sampah yang tidak betul oleh mereka yang menguruskan kawasan pelancongan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, pencemaran sampah terjadi di kawasan pelancongan seperti kawasan air terjun. Pencemaran ini dapat dilihat apabila kawasan tersebut menerima bilangan pelancong yang ramai. Antara sampah sarap yang sering dilihat ialah sisa pembungkus makanan yang dibawa oleh pelancong bukan itu sahaja sampah seperti lampin pakai buang bayi juga turut dibuang sewenang – wengangnya oleh pelancong yang datang ke kawasan ekopelancongan seperti air terjun.

2.4 Penutup

Sektor pelancongan merupakan sebuah sektor yang sedang berkembang giat untuk diusahakan oleh majlis pempandaran daerah Kuala Krai. Hal ini dapat dilihat apabila banyak berlakunya perkembangan dalam sektor pelancongan di Kuala Krai ini merupakan satu usaha yang bagus dan perlu diberikan pujian. Terdapat banyak peningkatan yang dibuat dalam menaikkan Kuala Krai sebagai sebuah tempat yang wajib dikunjungi oleh para pelancong tidak kiralah pelancong dari dalam daerah atau luar daerah Kuala Krai itu sendiri. Namun masih banyak lagi penambahbaikan yang perlu dibuat dalam membangunkan Kuala Krai sebagai sebuah daerah pelancongan tetapi perkara ini tidak menjadi halangan kepada perkembangan sektor pelancongan di Kuala Krai jika semua pihak dapat memberikan sokongan yang kuat terhadap usaha yang dilakukan oleh semua pihak yang terlibat.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan

Metodologi merupakan kaedah yang diambil untuk mengumpul data bagi menyawab persoalan yang dapat dikeluarkan melalui penyelidikan yang dibuat oleh pengkaji. Metodologi dibuat bagi bertujuan untuk mendapatkan data yang lebih tepat dan jelas. Bab ini akan memperincikan cara pengumpulan data yang dibuat oleh pengkaji sepanjang kajian ini dilaksanakan. Untuk menyiapkan kajian ini, pengkaji menjelaskan tentang reka bentuk kajian, prosedur kajian, dan kaedah pengumpulan data.

Menurut ‘Hornby’ (1985) dalam Nor Hidayah binti Mohamed, 2004 metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Disebabkan itu, pada bahagian ini akan memperihalkan tentang reka bentuk, instrumen kajian, prosedur atau proses bagi menganalisis data yang diterima bagi bertujuan mengeluarkan jawapan bagi persoalan – soalan yang telah dikeluarkan untuk kajian ini. Manakala menurut Ustaz Kenali pula metodologi penyelidikan merupakan kaedah serta teknik mereka bentuk, menganalisis, serta mengumpul data bagi menghasilkan sebuah bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian atau juga merumus apa yang dikaji. Metodologi juga menjelaskan tentang cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah tersebut digunakan dalam sesuatu kajian tersebut. Metodologi juga bertujuan untuk membantu


memahami dengan lebih mendalam bagi menerangkan kaedah dengan huraian tentang proses kajian.

3.1 Rekabentuk Kajian

Sebelum meneruskan kajian kepada peringkat yang seterusnya, pengkaji akan membuat susun atur perancangan yang akan dibuat untuk kajian ini. Menurut Creswell (2009) reka bentuk kajian ialah rancangan atau cadangan yang digunakan untuk menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metodologi kajian. Namun, Bryman (2008) berpendapat bahawa reka bentuk kajian sebagai kerangka yang digunakan oleh sesebuah kajian bagi mengutip dan menganalisis data.

Mengikut Sabitha (2006) reka bentuk kajian merupakan pelan tindakan yang akan dibuat bagi memperlihatkan secara lebih terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan. Reka bentuk kajian ini memainkan peranan penting dalam sesebuah kajian tersebut dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap tindakan yang akan dibuat mengikut pelan yang telah dibuat dan dirancang oleh penyelidik kerana reka bentuk kajian juga akan bertindak sebagai pelan tindakan kerja dalam proses mengutip, menganalisis serta membuat tafsiran kepada hasil akan diperoleh melalui penyelidikan yang telah dibuat.

Reka bentuk kajian akan menjadi model kepada penyelidik untuk membuat rujukan tentang permasalahan berkaitan dengan kajian yang dibuat. Ianya juga mampu untuk menjawab kepada persoalan yang timbul dalam penyelidikan yang dibuat dan melalui reka bentuk kajian objektif kajian juga mampu dicapai melalui kerangka yang dirancang. Untuk mencapai kesemua objektif dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif.



Jadual 3.1 Kerangka Kerja

3.2 Kaedah Kualitatif

Dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan sepenuhnya kaedah kualitatif untuk mengumpulkan semua data maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan objektif dan persoalan kajian. Kualitatif membawa maksud sebagai satu kajian penyelidikan di mana pengkaji bergantung kepada pandangan responden, dimana pengkaji akan menanyakan soalan yang luas dan umum, mengumpulkan data dalam bentuk perkataan ataupun teks yang diperolehi melalui kaedah temu bual dengan responden, menjelaskan dan menganalisis perkataan – perkataan tersebut dalam bentuk tema – tema serta menjalankan temu bual dalam bentuk subjektif yang berfokus. Kajian kualitatif juga merupakan kajian yang dibuat secara spontan dengan menanyakan soalan secara semulajadi yang tidak mematuhi spesifikasi statistik, seterusnya dapatan kajian yang diperlohi adalah tidak boleh digeneralisasikan. Walaubagaimanapun, kajian kualitatif ini akan menyumbang sesuatu kepada kajian berstatistik. Pendapat ini dikeluarkan oleh Schostak, John F. (2002).

3.3 Instrumen Kajian

Bagi menyiapkan kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa jenis 44rimitive44 untuk mengumpulkan data berkaitan dengan kajian yang dibuat. Instrumen kajian merupakan satu alat yang digunakan oleh pengkaji ketika menjalankan sesuatu penyelidikan. Instrumen kajian ini digunakan sebagai asas kepada pemerolehan data mengikut apa yang dikehendaki oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian.

3.3.1 Buku Nota

Setiap maklumat yang diperolehi daripada temu bual dengan responden akan dicatat ke dalam buku nota supaya tiada maklumat yang tertinggal. Segala maklumat perolehan akan dibuat catatan. Maklumat yang diperolehi daripada temu bual tersebut akan dianalisis sebelum ianya dimasukkan ke dalam laporan bertulis. Kaedah menggunakan buku nota merupakan sebuah kaedah pengumpulan yang relevan untuk pengkaji menggunakannya. Buku nota ini akan dibawa oleh pengkaji setiap kali pengkaji turun ke kawasan kajian.

3.3.2 Kamera

Pengkaji juga menggunakan kamera sebagai sebuah intrumen kajian bagi memudahkan pengkaji untuk mengumpulkan maklumat semasa berada di kawasan lapangan. 45rimitive45 digunakan bagi bertujuan untuk merakam serta mengambil gambar supaya semua maklumat dapat diterima dan diperolehi secara lebih jelas. Kaedah ini juga sesuai untuk pengkaji gunakan dalam mengumpulkan maklumat berkaitan tajuk kajian pengkaji. Melalui pengambilan video juga pengkaji dapat melihat Kembali dan meneliti setiap pergerakan yang dibuat untuk dimasukkan ke dalam laporan. Setiap perkara yang dilakukan akan direkodkan dan digambarkan.

3.4 Prosedur Punggutan Data

Prosedur punggutan data yang dibuat oleh pengkaji ialah pertama sekali pengkaji akan menghubungi orang yang terlibat dengan adat turun tanah. Pengkaji akan menghubungi orang tersebut melalui panggilan menerusi telefon. Hal ini dibuat kerana untuk meminta izin serta memberitahu bahawa pengkaji akan turun ke kawasan kajian untuk mengumpul data. Selain itu, pengkaji juga menghubungi untuk menetapkan 46 rimit pengkaji ke kawasan lapangan supaya semuanya akan berjalan lancar serta untuk memastikan orang tersebut bersedia dengan kedatangan pengkaji. Setelah pengkaji selesai menetapkan 46 rimit serta mendapat keizinan untuk ke kawasan kajian. Pengkaji akan turun ke kawasan lapangan untuk bertemu dengan responden berkenaan. Pengkaji akan menemu bual responden berkaitan dengan adat turun tanah. Pengkaji akan merekod setiap percakapan serta maklumat yang diberikan oleh responden. Prosedur seterusnya pengkaji akan meminta untuk responden menunjukkan cara adat turun tanah dilakukan. Pada peringkat ini, pengkaji akan merekod video sepanjang ritual adat turun tanah tersebut dibuat. Jelaslah bahawa dengan prosedur punggutan data yang akan dilakukan oleh pengkaji dapat memaksimumkan pemerolehan data tersebut.

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data yang akan dibuat oleh pengkaji terbahagi kepada dua jenis data. Data yang pertama ialah data primer dan data yang kedua ialah data sekunder. Hal ini dilakukan bagi bertujuan untuk mendapatkan maklumat serta data yang dikaji dalam bentuk sokongan bukti melalui kaedah yang tersebut.

Objektif Kajian	Kaedah Pengumpulan Data
<p>Mengenalpasti perkembangan sektor pelancongan warisan yang wujud di Kuala Krai, Kelantan</p>	<p>Temubual, Pemerhatian</p> <p>Kaedah Temubual:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Menemubual kakitangan pejabat tanah daerah Kuala Krai untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan perkembangan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai mengikut tempat – tempat warisan yang telah dipilih. -Merakam audio dan video menggunakan 47rimitive47 seperti perakam audio dan video bagi digunakan untuk merekod setiap maklumat data yang diperolehi.

	<p>Kaedah Pemerhatian:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Membuat lawatan ke kawasan kajian secara langsung ke tempat – tempat yang dipilih mengikut yang telah kawasan yang dirasakan mempunyai perkembangan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan.
<p>Menilai potensi pembangunan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan</p>	<p>Temubual, Pemerhatian</p> <p>Kaedah Temubual</p> <ul style="list-style-type: none"> -Menemubual penduduk kampung yang tinggal di kawasan yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai tempat pelancongan warisan. -Menemubual pengusaha chalet dan mereka yang turut terlibat dalam membangunkan kawasan sektor pelancongan warisan untuk mendapatkan maklumat yang terperinci.

	<p>Kaedah Pemerhatian</p> <p>-Membuat pemerhatian terhadap kawasan yang berpotensi dibangunkan sebagai kawasan pelancongan warisan yang terdapat di Kuala Krai, Kelantan.</p>
<p>Mengenalpasti kesan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan</p>	<p>Soal Selidik</p> <p>-Menggunakan Jadual Krejcie & Morgan.</p> <p>-Pengkaji akan mengedarkan sebanyak 249 set borang selidik untuk dijawab oleh penduduk kampung di sekitar Kuala Krai, Kelantan.</p>

Jadual 2: Kaedah Pengumpulan Data

3.5.1 Data Primer

Data primer merupakan sebuah data yang diperolehi daripada penelitian yang dibuat berdasarkan sumber yang sahih dan tepat yang diperolehi secara langsung untuk mendapatkan maklumat data yang masih belum diubah dan diselidik. Mengikut Rohana Yusof (2004) data primer ialah data yang berasal daripada sumber asli atau pertama. Data ini akan dikumpulkan oleh penyelidik secara terus untuk mendapat maklumat yang berkaitan. Data primer lebih tertumpu kepada sebuah cara data yang dikumpulkan dengan kaedah tinjauan, kerja lapangan serta temu bual secara langsung dengan responden. Data primer juga bersifat sebagai dikumpulkan secara individu, berkumpulan berfokus mahupun panel pakar. Pengkaji menggunakan kaedah ini supaya setiap maklumat yang diperolehi akan diterima secara sahih melalui responden yang akan ditemu bual.

1. Temubual

Pengkaji akan menemu bual responden yang berkaitan dengan sejauhmana perkembangan sektor pelancongan yang ada di Kuala Krai, Kelantan. Temu bual ini dibuat untuk mendapatkan maklumat yang jelas melalui responden yang terlibat secara langsung dengan sektor pelancongan di Kuala Krai, Kelantan.

2. Kajian Lapangan

Pengkaji akan turun ke kawasan lapangan untuk melihat potensi yang dimainkan oleh Kuala Krai untuk dibangunkan sebagai sebuah pusat pelancongan. Pengkaji akan berada di kawasan lapangan sehingga adat tersebut selesai dijalankan.

3. Rakaman Audio Dan Gambar

Pengkaji akan membuat rakaman audio dan gambar semasa pengumpulan data ini dibuat. Hal ini dibuat adalah untuk memastikan setiap maklumat yang disampaikan akan dicatat dan diterima sepenuhnya oleh pengkaji. Gambar akan diambil sebagai bukti tentang kajian yang dibuat.

3.5.2 Data Sekunder

Data sekunder ditakrifkan oleh Marican (2005) sebagai data yang boleh dibuat rujukan sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Data – data ini kebiasanya telah dibuat kajian terlebih dahulu oleh pengkaji yang terdahulu. Data – data ini akan digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang muncul. Data ini akan membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat tambahan yang perlu diletakkan ke dalam penyelidikan pengkaji. Data sekunder merupakan bahan terbitan yang digunakan untuk dijadikan rujukan. Bahan terbitan tidak hanya tertumpu kepada buku. Bahan terbitan juga boleh diambil daripada majalah, jurnal, watiqah, wasiat, tesis, surat khabar dan sebagainya. Kaedah ini juga membantu pengkaji untuk menganalisis data dengan lebih banyak. Melalui analisis yang dibuat pengkaji boleh membandingkan kelebihan dan kelemahan maklumat yang diterima oleh pengkaji. Pengkaji juga boleh membuat perbandingan antara yang paling terbaik.

1. Kajian Perpustakaan

Untuk mengumpul data maklumat dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji akan membuat kajian perpustakaan bagi memperolehi bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian yang dibuat oleh pengkaji. Pengkaji akan membuat analisis melalui maklumat yang diperolehi daripada kajian perpustakaan yang dibuat oleh pengkaji.

3.6 Penutup

Kesimpulannya, dalam bab ini pengkaji akan menerangkan secara jelas tentang kaedah pengumpulan maklumat yang digunakan oleh pengkaji dalam mengumpul data maklumat yang diperlukan. Dalam bab ini juga pengkaji menjelaskan pelbagai kaedah yang digunakan oleh pengkaji. Hal ini dilakukan untuk menyiapkan kajian penyelidikan ini dengan jayanya. Pengkaji juga menggunakan kaedah – kaedah tersebut untuk menghasilkan sebuah kajian penyelidikan yang berkualiti dan berinformasi. Dengan kaedah yang digunakan semestinya perlu mampu untuk menjawab persoalan serta permasalahan yang berlaku sepanjang penyelidikan ini dibuat. Selain itu, bab ini juga menyatakan bahawa hanya satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji iaitu kaedah kualitatif. Jelaslah bahawa dengan kaedah yang dikemukakan oleh pengkaji mampu untuk menghasilkan sebuah penyelidikan yang lengkap.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan tentang beberapa prosedur yang digunakan bagi menganalisis data untuk mengumpulkan data maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan secara terperinci melalui kajian lapangan serta soal selidik yang dilalukan oleh pengkaji. Kaedah temu ramah juga digunakan oleh pengkaji bagi mengumpul maklumat. Kaedah – kaedah tersebut digunakan oleh pengkaji bagi memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan lebih jelas apabila pengkaji sendiri yang berjumpa dan menemu ramah responden yang dipilih oleh pengkaji. Dalam bab ini akan dirangkulkan kesemua data yang diperolehi bagi menjawab ketiga – tiga objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Bab ini juga akan menerangkan secara jelas berkaitan dengan hasil dapatan yang diperolehi menerusi kaedah yang telah ditetapkan mengikut soal jawab dan temu bual yang diadakan bersama responden yang telah dipilih oleh pengkaji.

4.1 Analisis Dapatan Kajian 1: Perkembangan Sektor Pelancongan Warisan Yang Wujud Di Kuala Krai, Kelantan

4.1.1 Perkembangan Sektor Pelancongan Warisan Kampung Mambong

Kampung Mambong merupakan sebuah perkampungan yang menghasilkan Tembikar Mambong. Kampung ini terletak di dalam daerah Kuala Krai. Kedudukan Kampung Mambong berada di sebuah perkampungan terpencil di pinggir Sungai Galas. Perjalanan untuk ke kampung ini mengambil masa 45 minit daripada bandar Kuala Krai atau lebih tepat lagi dari jeti Tangga Krai. Cara itu masuk ke kampung ini hanya dengan menaiki bot menyusuri Sungai Galas, Kuala Krai. Kampung ini sangat terkenal dengan pembuatan Tembikar Mambong. Mengikut informer Ramli Mat Isa, 56 atau lebih mesra dipanggil sebagai Cikgu Li. Tembikar Mambong pada mulanya diusahakan oleh Tuk Bare dan kemudiannya diteruskan oleh Ramli Mat Isa, 56 dengan isterinya Siti Azah Mat Yaacob, 49.

Menurut informer lagi Tembikar Mambong mempunyai keunikan tersendiri kerana ianya hanya menggunakan sejenis tanah yang dipanggil sebagai tanah diraja dan menggunakan teknik pembuatan manual menggunakan tangan dan teknik ketukan. Tanah yang digunakan diambil daripada tanah milik Tengku Razali yang tidak pernah habis sejak ratusan tahun lagi. Tembikar Mambong sangat terkenal kerana ianya mempunyai nilai tinggalan sejarah. Hal ini dikatakan demikian kerana Tembikar Mambong digunakan dalam kegiatan seharian masyarakat 54rimitive yang tinggal pada masa lampau. Hal ini dibuktikan dengan penemuan di Gua Cha di Gua Musang, Kelantan. Kesan tinggalan sejarah yang terdapat pada Tembikar Mambong membuatkan tembikar ini sangat terkenal sehinggakan pelancongan asing juga datang ke Kampung Mambong untuk menyaksikan pembuatan tembikar ini dihasilkan. Antara tempat yang masih menghasilkan tembikar ialah Kampung Mambong, Kuala Krai, Kelantan.

Oleh disebabkan itu, kampung ini mendapat sangat diminati oleh pelancong yang mengkaji sejarah. Namun kedudukan Kampung Mambong berada di sebuah perkampungan terpencil di pinggir Sungai Galas dan merupakan sebuah perkampungan yang terpencil dan dibatasi oleh sungai. Disebabkan oleh perkampungan ini dibatasi oleh sungai yang lebar dan besar. Para pelancong dikehendaki untuk menyeberangi sungai tersebut dengan menaiki perahu orang kampung sekiranya sebelum ianya dibekalkan bot oleh kerajaan untuk digunakan oleh penduduk kampung serta golongan pelancongan yang datang ke kampung tersebut. Menurut informer Siti Azah Mat Yaacob, 49 pada mulanya pelancong serta penduduk kampung tersebut menyerangi sungai tersebut dengan perahu milik persendirian yang dimiliki oleh penduduk kampung sahaja. Hal ini menyukarkan para pelancong terutamanya untuk ke kampung tersebut kerana mereka perlu bergantung sepenuhnya kepada pemilik perahu tersebut. Para pelancong juga perlu menumpang orang kampung sahaja untuk ke seberang. Perkara ini menyukarkan para pelancong untuk masuk ke kampung mereka.

Setelah sektor pelancongan warisan kampung tersebut mendapat sambutan yang memberangsangkan, kerajaan dan bukan kerajaan memberi mereka sebuah bot untuk digunakan oleh penduduk kampung serta pelancong. Mengikut informer Siti Azah Binti Mat Yaacob, 49 bot yang diberikan dana oleh anggota yang terlibat dibuat oleh penduduk kampung yang arif tentang teknik pembuatan bot. Perkembangan sektor pelancongan menyebabkan kampung tersebut dibekalkan dengan bot yang berkuasa tinggi dan juga mempunyai jadual pergerakan untuk masuk ke dalam kawasan perkampungan tersebut. Para pelancong hanya perlu mengikut jadual pergerakan bot tersebut dan dikenakan sedikit tambang. Hal ini jauh lebih memudahkan para pelancong untuk masuk ke Kampung Mambong dengan waktu yang singkat. Bot pula menggunakan enjin yang berkuasa tinggi dan mampu bergerak laju jika dibandingkan dengan pada zaman dahulu yang hanya menggunakan tenaga keupayaan manusia sahaja untuk mengayuh perahu dengan pengayuh. Jelaslah bahawa apabila sektor pelancongan

warisan yang diwujudkan di kampung tersebut lebih memudahkan pelancong untuk datang melancong ke kampung tersebut.

4.1.2 Perkembangan Sektor Pelancongan Warisan Jambatan Gantung Sultan Ismail

Jambatan Gantung Sultan Ismail atau juga dikenali sebagai Jambatan Kuala Krai ialah sebuah jambatan gantung yang terletak di Jalan Machang – Kuala Krai berhampiran dengan Kampung Bukit Sireh. Jambatan ini merupakan sebuah jambatan yang menjadi mercu tanda kepada kesan tinggalan sejarah. Jambatan ini dibina oleh British pada tahun 1920. Pada zaman penjajahan British jambatan gantung ini digunakan sebagai penghubung oleh penjalan kaki dan juga kenderaan kecil seperti basikal sebelum jambatan yang baharu yang dibina pada tahun 1986 dan digunakan sehingga ke sekarang. Jambatan ini pernah beberapa kali diletupkan oleh tentera Jepun untuk menyekat kedatangan tentera British. Reka bentuk jambatan ini dipengaruhi oleh jambatan yang ada di Eropah. Jambatan ini diperbuat daripada besi dan keluli yang panjangnya 70 kaki dan lebar 30 kaki bagi strukturnya manakala untuk lantainya diperbuat daripada kayu.

Mengikut penduduk kampung kawasan tersebut iaitu Encik Sulaiman, 53 jambatan gantung tersebut begitu popular dalam kalangan penduduk kampung kerana ianya merupakan jambatan yang pertama yang dibina seumpama itu di Kuala Krai dan ianya menjadi daya tarikan suatu ketika dahulu. Mengikut penduduk sekitar juga mereka sangat berbangga dengan jambatan tersebut walaupun ianya hanya dibuka kepada golongan tentera sahaja sebelum ianya dibuka kepada orang awam. Selain daripada menjadi penghubung kepada Kuala Krai ianya juga pernah menjadi mercu tanda apabila memasuki sempadan Kuala Krai. Oleh disebabkan

itu, jambatan tersebut mempunyai rintitan sejarah yang tersendiri yang membuatkan ianya berpotensi dibangunkan sebagai kawasan pelancongan warisan di Kuala Krai.

Namun, disebabkan oleh pembinaan jalan raya utama yang dibina disebelahnya membuatkan jambatan tersebut rosak dan 57 rimi akibat daripada tiada penjagaan yang rapi di kawasan tersebut. Kayu jambatan tersebut yang mulai mereput membuatkan pelancong yang singgah perlulah berhati – hati semasa berada di kawasan tersebut. Walaubagaimanapun, masih terdapat pengunjung yang mengunjungi jambatan tersebut untuk melihat dan membuat sesi fotografi di kawasan tersebut. Mengikut informer Encik Sulaiman, 53 jambatan tersebut mempunyai daya tarikan tersendiri kerana ianya terletak di laluan yang strategik untuk pengguna jalan daripada Kuala Krai ke Kota Bharu. Jika ianya dipelihara dengan baik pasti mendapat sambutan daripada kalangan pelancong tempatan mahupun luar negara. Mengikut informer lagi kadang – kadang terdapat pelancong asing singgah untuk melihat jambatan tersebut.

4.1.3 Perkembangan Sektor Pelancongan Warisan Tangga Krai

Tangga Bradley atau Tangga Krai juga mempunyai kesan tinggalan warisan yang juga mampu menarik pelancong untuk ke Kuala Krai. Tangga ini menjadi penghubung untuk ke kampung – kampung di Kuala Krai yang dibatasi oleh sungai. Sebagai contoh Kampung Mambong yang menjadi kampung pembuatan tembikar. Tangga ini telah dibina pada tahun 1927 dan siap sepenuhnya pada tahun 1929. Nama tangga ini iaitu Tangga Bradley dinamakan sempena nama Ketua Pentadbiran Jajahan Kuala Krai pada masa itu, yang 58rimiti Mr. Gerald Bradley yang berkhidmat selama 28 tahun. Tangga ini berada berhampiran dengan Pejabat Polis Daerah Kuala Krai.

Pada zaman ini tangga ini dibangunkan biasa sahaja untuk memudahkan para penduduk kampung dan pelancong untuk menaiki perahu pada awalnya sebelum ianya diubah suai dan dinaiktaraf supaya ianya boleh digunakan sehingga ke hari ini. Tangga ini juga bukan sahaja berfungsi sebagai sebagai tempat tarikan pelancongan sahaja malahan digunakan sebagai tanda aras sungai untuk dirujuk paras air sungai semasa musim tengkujuh. Oleh disebabkan tangga tersebut digunakan untuk turun ke pengkalan sungai ianya juga mengalami perkembangan dalam sektor pelancongan warisan disebabkan oleh 58rimiti serta kesan tinggalan sejarah yang ditinggalkan.

4.2 Analisis Dapatan Kajian 2: Potensi Pembangunan Sektor Pelancongan Warisan Yang Wujud Di Kuala Krai, Kelantan

4.2.1 Potensi Dibangunkan Sebagai Tempat Pembuatan Tembikar Pra Sejarah

Kuala Krai berpotensi untuk dibangunkan sebagai sebuah tempat untuk penghasilan tembikar zaman pra sejarah. Hal ini dikatakan demikian kerana Kuala Krai mempunyai tempat penghasilan Tembikar Mambong yang ditemui oleh para arkeologi. Potensi ini boleh dimainkan oleh Kuala Krai bagi menghidupkan sektor pelancongan yang berasaskan warisan. Perkara ini mampu menarik lebih ramai lagi pelancong untuk datang melancong ke Kuala Krai jika kesemua pihak yang terlibat memberi sokongan yang kuat. Namun disebabkan oleh perkampungan tersebut yang jauh terpencil daripada pusat bandar memerlukan banyak kerja untuk menjayakan pelancongan warisan sebagai tempat pembuatan tembikar. Walaupun para pelancong terpaksa masuk ke pendalaman untuk menyaksikan sendiri tembikar tersebut dihasilkan, mereka sanggup menyerangi sungai tersebut. Potensi tersebut menjadi sebab utama untuk pelancong datang melancong ke kampung tersebut.

Peninggalan sejarah serta jumpaan barangan arkeologi seperti barangan tembikar di sekitar Kelantan berkait rapat dengan wujudnya pertempatan awal manusia 59rimitive di sekitar daerahnya. Hal ini dapat dibuktikan apabila terdapatnya jumpaan barangan ini maka wujudnya teknologi manusia zaman pra sejarah dalam menghasilkan peralatan seharian seperti barangan alatan dapur dan alatan sejatan seperti kapak. Pembuktian ini dapat menegaskan bahawa masyarakat di Kampung Mambong telah lama bertapak dan mempunyai kepakaran dalam membuat tembikar seperti buyung, belanga, dan juga alatan untuk mengukus. Oleh disebabkan itu, Kampung Mambong merupakan satu – satunya tempat penghasilan tembikar

Mambong yang masih menggunakan kaedah pembuatan yang sama sejak ratusan tahun yang lampau. Tinggalan ini boleh menjadi bukti sebagai Kuala Krai mampu menjadi tempat pembuatan tembikar pra sejarah dengan adanya daya tarikan penghasilan tembikar Mambong yang masih diusahakan sehingga sekarang.

4.2.2 Potensi Sebagai Tempat Tinggalan Warisan

Potensi yang seterusnya yang boleh dipegang oleh Kuala Krai iaitu berpotensi dibangunkan sebagai tempat tinggalan warisan. Kuala Krai mempunyai tempat tinggalan warisan yang tersendiri dan semestinya mempunyai sejarah yang tersendiri. Sejarah yang ditinggalkan mempunyai keunikan yang mampu dibangunkan sebagai tempat tinggalan warisan. Sebagai contoh Tangga Bradley dan Jambatan Gantung Sultan Ismail. Namun ianya perlulah mempunyai penerangan sejarah secara menyeluruh kerana dengan cerita sejarah tinggalan yang menarik mampu menarik pelancong tempatan malahan dari luar. Tempat – tempat tersebut mempunyai potensi yang tersendiri.

4.3 Analisis Dapatan Kajian 3 : Kesan Pembangunan Sektor Pelancongan Warisan Di Kuala Krai, Kelantan

Dapatan kajian bagi objektif 3 ialah menggunakan kaedah borang soal selidik. Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada 250 orang responden secara rawak dimana ianya merangkumi penduduk yang tinggal di Kuala Krai. Borang soal selidik ini telah diedarkan secara dalam talian internet iaitu “google form” yang telah diberikan kepada responden. Responden ini akan dianalisis mengikut demografi yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Antaranya ialah:

4.3.1 Analisis Demografi Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	101	40.6%
Perempuan	148	59.6%

Jadual 4.3 : Analisis Demografi Responden Mengikut Jantina

Jadual di atas menunjukkan demografi responden daripada penduduk Kuala Krai, Kelantan. Demografi ini ditentukan mengikut jantina. Daripada 250 responden, seramai 148 orang (59.4%) adalah terdiri daripada responden perempuan, manakala bakinya iaitu sebanyak 101 orang (40.6%) adalah terdiri daripada responden lelaki.

4.3.2 Analisi Demografi Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan	Peratus (%)
12 – 22	75	30.1%
23 – 33	60	24.1%
34 – 44	52	20.9%
45 – 55	33	13.3%
56 dan ke at atas	29	11.6%

Jadual 4.4: Analisis Demografi Responden Mengikut Umur

Berdasarkan hasil kajian, sebanyak 250 orang responden yang disoal selidik. Seramai 75 orang iaitu sebanyak 30.1% mewakili penduduk Kuala Krai yang berumur dalam kalangan 12 sehingga 22 tahun. Selain itu, responden daripada kalangan yang berusia 23 tahun sehingga 33 tahun iaitu seramai 60 orang responden iaitu sebanyak 24.1%. Seterusnya, responden dalam kalangan usia 34 tahun sehingga 44 tahun pula seramai 52 orang yang merangkumi sebanyak 20.9% manakala responden daripada usia 45 tahun sehingga 55 tahun pula seramai 33 orang yang mewakili sebanyak 13.3%. Akhir sekali, responden daripada penduduk yang berumur 56 orang ke atas pula menyumbang sebanyak 11.6% yang membawa persamaan seramai 29 orang.

4.3.3 Analisis Demografi Responden Mengikut Pekerjaan

Perkerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Awam	34	13.7%
Swasta	37	14.9%
Pelajar	83	33.3%
Berkerja Sendiri	53	21.3%
Tidak Berkerja	42	16.9%

Jadual 4.5 : Analisis Demografi Responden Mengikut Pekerjaan

Hasil kajian ini menunjukkan seramai 250 orang responden, seramai 34 orang (13.7%) adalah terdiri daripada responden yang bekerja dalam sektor awam. Selain itu, responden yang bekerja dalam sektor swasta pula tidak kalah hebat iaitu sebanyak 14.9% iaitu seramai 37 orang responden. Seterusnya, responden daripada kalangan pelajar pula seramai 83 orang yang merangkumi sebanyak 33.3%. Responden yang berkerja sendiri seramai 53 orang (21.3%) manakala responden yang tidak berkerja pula seramai 42 orang yang merangkumi sebanyak 16.9%.


4.3.4 Analisis Demografi Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan	Peratus (%)
Melayu	129	77.7%
Cina	21	8.5%
India	17	6.9%
Lain – Lain	17	6.9%

Jadual 4.6 : Analisis Demografi Responden Mengikut Bangsa

Carta di atas menunjukkan seramai 129 orang (77.7%) melayu yang diberikan borang soal selidik. Seterusnya, penduduk Cina yang menjadi responden ialah sebanyak 8.5% yang mewakili seramai 21 orang. Selain itu, responden daripada penduduk India pula ialah seramai 17 orang menyumbang sebanyak 6.9% manakala lain – lain penduduk pula sebanyak 6.9% iaitu membawa persamaan dengan 17 orang responden.


4.4.1 Pelancongan warisan yang telah diwujudkan memberikan pengetahuan tentang sejarah Kuala Krai



Rajah 4.13 : Carta Pai Soalan 1

Menurut kajian yang dibuat oleh pengkaji terhadap 250 orang responden sebanyak 28.5% yang merangkumi 71 orang responden yang menjawab sangat setuju. Selain itu, seramai 89 orang (35.7%) yang mewakili setuju dengan soalan yang ditanya oleh pengkaji. Seterusnya, seramai 71 orang yang membawa persamaan dengan 28.5% yang menjawab sederhana setuju. Seramai 11 orang responden yang sangat tidak setuju dengan soalan yang diajukan oleh pengkaji manakala seramai 7 orang responden yang menjawab tidak setuju membuatkan sebanyak 2.8% tidak setuju.


4.4.2 Pelancongan warisan yang ditawarkan merupakan pelancongan yang bersifat pendidikan tidak formal



Rajah 4.14 : Carta Pai Soalan 2

Carta di atas menunjukkan bahawa sebanyak 71 orang responden yang setuju dengan soalan yang ditanya yang membuatkan sebanyak 28.6%. Selain itu, seramai 66 orang responden yang sederhana setuju dengan soalan yang ditanya menjadikan sebanyak 26.6%. Seterusnya, bagi pernyataan tidak setuju pula sebanyak 20.2% yang membawa nilai seramai 50 orang responden. Disamping itu, seramai 43 orang responden yang sangat setuju dengan soalan yang ditanya yang menjadikan sebanyak 17.3% manakala bagi sangat tidak setuju pula seramai 18 orang (7.3%).


4.4.3 Sektor pelancongan warisan di Kuala Krai memberi kesan positif kepada individu, masyarakat dan negara



Rajah 4.15 : Carta Pai Soalan 3

Berdasarkan kajian yang dibuat kepada 250 orang responden mendapati bahawa seramai 118 orang responden yang sangat setuju dengan soalan yang ditanyakan oleh pengkaji yang membawa persamaan sebanyak 47.4%. Seterusnya, bagi pernyataan soalan setuju pula seramai 76 orang responden yang merangkumi sebanyak 30.5%. Selain itu, responden yang sederhana setuju ialah sebanyak 20.5% yang meliputi seramai 51 orang responden. Disamping itu, untuk pernyataan sangat tidak setuju seramai 2 orang responden yang menyumbang peratusan sebanyak 0.8% manakala bagi pernyataan tidak setuju pula seramai 2 orang iaitu peratusan sebanyak 0.8%.

4.4.4 pelancongan warisan di Kuala Krai menambahkan kemudahan infrastuktur




Rajah 4.16 : Carta Pai Soalan 4

Menurut kajian yang dibuat kepada 250 orang responden mendapati bahawa seramai 122 orang responden yang sangat setuju dengan soalan yang ditanya oleh responden yang memberikan nilai peratusan sebanyak 49%. Selain itu, pernyataan setuju pula sebanyak 31.3% yang memberikan seramai 122 orang responden. Seterusnya, seramai 41 orang responden iaitu 16.5% yang sederhana setuju dengan soalan yang ditanyakan oleh responden. Disamping itu, untuk sangat tidak setuju 3 orang responden yang membawa nilai sebanyak 1.2% dan seramai 5 orang yang tidak setuju iaitu menyumbang nilai peratusan sebanyak 2%.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


4.4.5 Pelancongan warisan di Kuala Krai mampu menarik golongan muda untuk mengetahui dan mempelajari sejarah



Rajah 4.17 : Carta Pai Soalan 5

Carta di atas menunjukkan seramai 125 orang responden yang sangat setuju yang membuatkan nilai peratusan sebanyak 50.2%. Selain itu, bagi pernyataan setuju pula sebanyak 34.9% responden yang membuatkan persamaan seramai 87 orang responden. Seterusnya, sebanyak 11.2% responden yang sederhana setuju dengan persoalan yang ditanya iaitu seramai 28 orang responden. Disamping itu, pernyataan tidak setuju pula 6 orang responden yang memberi nilai sebanyak 2.4% manakala sebanyak 3% responden yang memilih untuk pernyataan sangat tidak setuju yang menjadikan seramai 1.2%.


4.4.6 Pelancongan warisan di Kuala Krai membuat anda menyayangi dan mencintai artifak dan kesan tinggalan sejarah di Kuala Krai



Rajah 4.18 : Carta Pai Soalan 6

Berdasarkan carta pai di atas seramai 135 (54.2%) orang responden yang sangat setuju dengan soalan yang ditanyakan. Selain itu, bagi pernyataan setuju pula mewakili sebanyak 28.1% responden yang merespon kepada soalan ini yang memberikan nilai seramai 70 orang responden. Seterusnya, seramai 40 orang responden yang sederhana setuju dengan persoalan yang ditanya menjadikan sebanyak 16.1%. Akhir sekali, pernyataan tidak setuju yang berkongsi peratusan serta bilangan responden yang sama iaitu masing – masing mempunyai 2 orang responden yang bernilai peratusan sebanyak 0.8%.

4.4.7 Kewujudan pelancongan warisan di Kuala Krai mampu menarik minat pelancong asing untuk datang melancong




Rajah 4.19 : Carta Pai Soalan 7

Carta pai di atas menunjukkan sebanyak 51.8% responden yang sangat setuju dengan persoalan yang memberikan bilangan responden seramai 129 orang responden. Selain itu, sebanyak 77 orang responden yang setuju dengan soalan yang diajukan yang menjadikan nilai peratusan sebanyak 30.9%. Seterusnya, pernyataan sederhana setuju pula sebanyak 15.7% responden yang memberikan bilangan responden seramai 39 orang. Akhir sekali, pernyataan tidak setuju dan sangat tidak setuju mempunyai nilai yang sama iaitu 0.8% seramai 2 orang responden.

MALAYSIA
KELANTAN

4.4.8 Pelancongan warisan berjaya untuk dibangunkan di Kuala Krai jika kesemua kemudahan asas disediakan dengan baik



Rajah 4.20 : Carta Pai Soalan 8

Menurut carta pai di atas menunjukkan sebanyak 57.3% atau seramai 141 orang responden yang sangat setuju. Selain itu, pernyataan setuju pula seramai 69 orang responden yang memberi nilai peratusan sebanyak 28%. Seterusnya, seramai 33 orang responden yang sederhana setuju yang membawa nilai peratusan sebanyak 13.4%. Akhir sekali, bagi pernyataan sangat tidak setuju seramai 2 orang responden yang bernilai peratusan 0.8% manakala 1 orang responden yang tidak setuju memberikan nilai sebanyak 0.4%.

4.5 Penutup

Hasil dapatan kajian ini, terdapat beberapa perkembangan sektor pelancongan warisan yang telah berlaku. Kuala Krai mempunyai potensi tersendiri untuk dibangunkan sebagai sebuah kawasan pelancongan yang berasaskan warisan kerana terdapat beberapa tempat yang mampu bersaing dengan tempat yang terkenal dengan pelancongan warisan. Namun, ianya memerlukan kerja penambahbaikan bagi memastikan pelancong selesa untuk datang melancong ke Kuala Krai, Kelantan. Dalam bab ini juga setiap maklumat yang diperolehi melalui beberapa kaedah yang digunakan akan dianalisis dengan terperinci bagi memastikan kesemua data perolehan dicatat dengan lengkap bagi menjawab objektif dan persoalan kajian yang dikaji. Pengkaji juga memperinci setiap data responden di dalam bab ini. Hal ini dilakukan kerana untuk memudahkan pengkaji menyusun data maklumat yang telah dikumpulkan. Pengkaji juga menganalisis setiap maklumat yang diberikan oleh responden tidak kiralah berbentuk formal atau tidak formal ke dalam penulisan untuk memudahkan pengkaji memahami setiap maklumat yang diperolehi. Jelaslah bahawa setiap data maklumat yang diterima oleh pengkaji sangat penting kerana ianya perlu digunakan bagi melengkapkan kajian ini.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini lebih memberi titik fokus kepada kesimpulan dan cadangan terhadap hasil dapatan kajian yang telah diperolehi. Dalam bab ini juga pengkaji akan merumuskan hasil kajian yang telah dijalankan dalam kajian ini dengan berpandukan data maklumat yang telah diperolehi. Rumusan yang dilalukan kebiasaannya tidak terlalu panjang dan cukup sekadar untuk menyimpulkan segala jawapan yang telah diperolehi untuk memastikan pengkaji menjawab kesemua persoalan dan objektif daripada kajian yang telah dibuat. Selain itu, dalam bab ini juga pengkaji akan mencadangkan beberapa bagi membantu pengkaji – pengkaji akan datang untuk membuat kajian pada masa akan datang untuk memperluaskan skop kajian dari sudut yang berbeza.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama yang merangkumi 3 analisis objektif kajian. Bahagian ini khusus dalam membincangkan dapatan analisis untuk menjawab setiap objektif yang dikemukakan oleh pengkaji dan untuk melihat sejauhmanakah ianya menjawab objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

5.2.1 Perbincangan Objektif Kajian 1: Mengenalpasti perkembangan sektor pelancongan warisan yang wujud di Kuala Krai, Kelantan

Daripada hasil dapatan kajian temu bual yang dijalankan oleh pengkaji kepada responden yang telah dipilih bagi menjawab objektif pertama iaitu mengenalpasti perkembangan sektor pelancongan warisan yang wujud di Kuala Krai, Kelantan mendapati bahawa responden yang dipilih untuk ditemu ramah menjawab tentang pelancongan warisan di Kuala Krai sedikit sebanyak mengalami perkembangan walaupun ianya sedikit perlahan. Hal ini kerana, mungkin pihak yang berwajib tidak memandang sektor pelancongan warisan di Kuala Krai sebagai suatu tempat yang mempunyai daya tarikan yang tersendiri kerana ianya mempunyai kesan tinggalan sejarah yang tersendiri.

Perkembangan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai dapat dilihat apabila terdapatnya perambahbaikan dari sudut infrastruktur yang cuba untuk agensi yang terlibat disediakan. Hal ini dapat disimpulkan bahawa kemudahan yang disediakan di kawasan yang mempunyai daya tarikan pelancongan warisan mampu menambah bilangan pelancong walaupun ianya dalam kuantiti yang kecil namun dapat dikatakan bahawa pelancongan warisan yang ada di Kuala Krai berjaya untuk dibangunkan.

Perkembangan yang ditonjolkan oleh kawasan yang mempunyai sektor pelancongan warisan juga menjadi satu penyebab utama sesuatu kawasan tersebut mendapat tempat dalam kalangan masyarakat yang suka akan aktiviti rekreasi ini. Bukan itu juga, perkembangan warisan ini dapat dilihat apabila pihak berkuasa tempatan cuba untuk membantu kawasan tersebut membangun walaupun ianya tidaklah sehebat dengan tempat – tempat lain yang mungkin disebabkan oleh tempat perletakkan kawasan tersebut yang sukar untuk dimasuki oleh pelancong namun ianya tidaklah sesukar zaman dahulu yang hanya bergantung dengan kemudahan yang amat minimal sebagai contoh Kampung Mambong yang merupakan satu – satunya tempat penghasilan Tembikar Mambong. Jika dibanding pada suatu ketika dahulu Kampung Mambong tersebut sangat sukar untuk dimasuki oleh pelancong kerana ianya terpaksa meredah Sungai Galas yang panjang dan jauh untuk sampai ke kampung tersebut namun dengan adanya bot yang menggunakan tenaga enjin masa perjalanan berjaya untuk disingkatkan kepada 45 minit sahaja.

Jelaslah bahawa dengan perkembangan yang ditunjukkan oleh kawasan yang dipilih sebagai tempat pelancongan warisan di Kuala Krai menjadikan pelancongan yang berasaskan warisan berjaya untuk dibangunkan di kawasan tersebut dengan adanya perkembangan kemudahan infrastruktur. Hal ini dikatakan demikian kerana infrastruktur juga merupakan satu penyebab utama pelancongan warisan tersebut berjaya.

5.2.2 Perbincangan Objektif Kajian 2: Menilai potensi sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan

Daripada hasil dapatan temu bual yang ditemu bual kepada responden berkenaan dengan objektif kedua iaitu menilai potensi sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan mendapati bahawa responden memberi maklumat balas yang positif kepada setiap soalan yang diajukan oleh pengkaji. Menurut responden yang ditemui semasa temu ramah beliau berpendapat bahawa Kuala Krai mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai sebuah kawasan pelancongan yang berasaskan warisan. Hal ini kerana, Kuala Krai mempunyai sejarah yang tersendiri yang unik sebagai sebuah tempat yang ditinggalkan oleh penjajah. Menurut responden yang dikaji oleh pengkaji, Kuala Krai mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan sebagai sebuah kawasan pelancongan yang berasaskan warisan. Hal ini dapat dibuktikan dengan Kuala Krai mempunyai tempat penghasilan Tembikar Mambong yang merupakan tembikar yang digunakan pada suatu masa dahulu.

Dengan adanya tempat penghasilan barangan sejarah mampu menarik pelancong dari luar negeri mahupun luar negara untuk datang melancong ke kawasan tersebut. Secara tidak langsung pelancongan warisan berjaya untuk ditubuhkan sebagai pusat pelancongan warisan. Potensi yang dimainkan membuatkan Kuala Krai mempunyai peluang yang cerah untuk dibangunkan. Walaupun ianya memerlukan menambahkanbaikan dari segi struktur jaringan kemudahan pengangkutan.

5.2.3 Perbincangan Objektif Kajian 3: Mengenalpasti kesan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan

Hasil borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang dipilih secara rawak memersetujui bahawa dengan adanya pelancongan warisan yang wujud di Kuala Krai telah memberi pengetahuan yang baru tentang sejarah yang terdapat di Kuala Krai. Ramai responden setuju bahawa pelancongan warisan menjadi satu penyebab utama perkembangan ilmu pengetahuan tentang sejarah Kuala Krai dengan kaedah melawat ke tempat – tempat bersejarah.

Pelancongan warisan yang ditawarkan merupakan satu pendidikan yang tidak formal dimana ianya tidak melibatkan pendidikan di dalam bilik darjah yang membosankan dan hanya belajar tentang teori semata-mata. Dengan pelancongan yang ditawarkan mampu menarik pelancong untuk belajar sendiri tentang sejarah di tempat tersebut. Selain itu, sektor pelancongan warisan di Kuala Krai memberi kesan positif kepada individu, masyarakat dan negara. Dengan adanya pelancongan warisan mampu menambahkan kemudahan infrastruktur di Kuala Krai. Pelancongan warisan yang diwujudkan di Kuala Krai mampu menambahkan kemudahan infrastruktur seperti kemudahan parkir, tandas dan jaringan pengangkutan.

Responden juga bersetuju bahawa pelancongan warisan di kawasan tersebut mampu menarik golongan muda untuk mengetahui dan mempelajari sejarah. Hal dikatakan demikian kerana, terdapat golongan muda yang menyertai pertandingan warisan yang dijalankan di Kuala Krai. Selain itu, pelancongan ini juga membuatkan masyarakat setempat menyayangi dan mencintai artifak serta tinggalan sejarah di Kuala Krai, Kelantan.

5.3 Cadangan Penambahbaikan

Mengikut maklumat serta hasil kajian yang diperolehi, terdapat beberapa cadangan yang boleh dicadangkan oleh pengkaji mengikut kesesuaian yang dilihat apabila pengkaji membuat kajian lapangan. Cadangan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk menaik taraf dan meningkatkan daya produktiviti tempat yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan warisan di Kuala Krai. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji berharap dengan adanya kajian ini akan membuatkan pelancongan warisan di Kuala Krai semakin giat dijalankan kerana Kuala Krai mempunyai keunikan sejarah yang tersendiri yang perlu dizahirkan supaya masyarakat setempat juga dapat mengetahui lebih terperinci tentang nilai warisan yang terdapat di tempat mereka tinggal. Maka, pengkaji berharap dengan cadangan ini dapat digunakan untuk menaikkan sektor pelancongan warisan yang terdapat di Kuala Krai, Kelantan.

5.3.1 Menyediakan Kemudahan Asas

Kemudahan asas merupakan satu perkara yang penting yang perlu disediakan kepada para pelancong yang datang melancong ke Kuala Krai. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan kemudahan asas yang tersedia akan memudahkan para pelancong untuk melancong. Antara kemudahan asas yang perlu disediakan adalah seperti tandas, kemudahan parking yang luas. Sebagai contoh parking yang terhad di kawasan Tangga Krai yang sedikit menyukarkan para pelancong untuk memarking kereta mereka di kawasan tersebut. Kemudahan bot perlulah ditambah untuk kegunaan pelancong yang ingin ke Kampung Mambong kerana penyediaan bot penambang yang terhad memerlukan pelancong menunggu waktu yang lama untuk

mendapatkan bot untuk ke kampung tersebut. Selain itu, bot penambang yang mencukupi dapat membuat sistem giliran untuk berganti mengambil pelancong dan juga golongan komuniti yang menggunakan perkhidmatannya. Cadangan ini dirasakan sesuai oleh pengkaji memandangkan ianya merupakan salah satu kemudahan yang perlu diwujudkan bagi kesenangan masyarakat kampung serta para pelancong.

5.3.2 Mewartakan kawasan warisan sebagai kawasan tinggalan sejarah

Kebanyakan tempat yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai satu tempat pelancongan yang berasaskan warisan dibiarkan begitu tanpa adanya penjagaan yang rapi ditempat tinggalan warisan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, kawasan tinggalan sejarah kebanyakannya rosak tanpa diselenggara dengan baik. Cadangan untuk mewartakan kawasan warisan sebagai kawasan tinggalan sejarah dapat memastikan kawasan tersebut dijaga dengan baik daripada dibiarkan terus berlaku kerosakan yang mengakibatkan kawasan tersebut hilang nilai warisan sedangkan ianya mempunyai nilai sejarah yang amat berharga. Sebagai contoh Jambatan Sultan Ismail yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi kerana mempunyai reka bentuk jambatan yang sama seperti di negara Eropah kerana ianya adalah jambatan tinggalan tentera British namun sekarang mengalami kerosakan pada bahagian lantai kerana diperbuat oleh kayu dan semakin mereput. Oleh disebabkan itu, penwartaan kawasan tersebut hendaklah dibuat bagi memastikan monumen sejarah itu terus terpelihara.

5.3.3 Pendidikan masyarakat

Kebanyakan masyarakat sekitar tidak mengambil peduli tentang monumen tinggalan sejarah di kawasan mereka kerana mereka tidak didedahkan dengan sejarah yang terdapat ditempat tersebut. Oleh disebabkan itu, penerapan pendidikan dalam kalangan masyarakat amatlah penting supaya masyarakat setempat juga dapat mengetahui dan menghayati nilai sejarah yang ada pada kawasan tersebut. Pendidikan masyarakat juga perlu dilakukan bagi memastikan setiap penduduk mempunyai kesedaran tentang kepentingan untuk menjaga khazanah yang ditinggalkan oleh masyarakat terdahulu kepada generasi akan datang untuk menghayati nilai yang terdapat di negara kita.

5.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, Kuala Krai sememangnya mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan warisan berdasarkan sejarah yang terdapat di setiap tempat yang telah dipilih oleh pengkaji. Akan tetapi bantuan daripada pihak kerajaan dan bukan kerajaan sangat diperlukan dalam menjayakan untuk membangunkan Kuala Krai sebagai sebuah tempat pelancongan yang berasaskan warisan di negara kita. Seiring dalam menjayakan industri pelancongan negara kita, Pendidikan masyarakat juga perlu dijagakan dalam kalangan masyarakat bagi menyedarkan masyarakat sekitar tentang kepentingan menjaga bahan warisan yang terdapat disekeliling kita. Pelbagai aktiviti menarik perlulah dirancang bagi menarik masyarakat untuk turut serta menjayakan bidang ini.

Selain itu, pembangunan secara terancang perlulah dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan kesemua tempat bersejarah dijaga dengan sebaiknya dan tidak hanya menfokuskan kepada bahagian bandar sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan tempat bersejarah di Kuala Krai juga terletak di bahagian pedalaman seperti Kampung Mambong bagi menarik minat lebih ramai pelancong untuk datang melawat ke kawasan ini. Kawasan bersejarah ini merupakan khazanah warisan yang berharga dan amat bernilai. Usaha – usaha untuk menyemai minat masyarakat terhadap tinggalan warisan kita perlulah dipupuk dari usia kecil lagi.

Kajian menyeluruh bab ini menerangkan tentang hasil daripada penemuan dalam kajian yang telah dilakukan dan mengikut kesesuaian dalam memberi jawapan kepada objektif yang telah ditetapkan. Oleh itu pengkaji berharap bahawa dengan adanya kajian ini dapat mendidik semua pihak dalam menjaga kawasan warisan dengan cara yang terbaik supaya setiap nilai estetikanya dapat diperlihara dengan baik untuk generasi akan datang. Dengan kajian yang dibuat juga dapat menyedarkan semua pihak untuk meneruskan legasi warisan bagi memastikan pengkaji akan datang dapat menjalankan kajian yang seperti ini dengan skop yang lebih besar.

5.5 Penutup

Secara keseluruhan dalam bab ini, pengkaji memberikan cadangan penambahbaikan bagi merencanakan lagi industri pelancongan warisan yang terdapat di Kuala Krai. Hal ini dikatakan demikian kerana, cadangan yang diketengahkan oleh pengkaji merupakan beberapa cadangan yang sesuai untuk menyelesaikan masalah yang berlaku dalam proses mewujudkan pelancongan yang berasaskan warisan di ketiga – tiga kawasan yang dipilih sebagai kawasan yang berpotensi dibangunkan sebagai kawasan pelancongan warisan. Bukan itu juga pengkaji mencadangkan cadangan tersenut sesuai dengan permasalahan yang dianalisis oleh pengkaji. Bab ini pengkaji juga menyeru pelbagai lapisan masyarakat untuk bersama – sama memainkan peranan yang tersendiri bagi memastikan pelancongan yang diasaskan oleh warisan mampu dibangunkan sekaligus berkembang dengan maju.

Rujukan

- Ahmad, M. Z., Ibrahim, J. A., & Mohd Salleh, H. (2008). Membangunkan Kuala Kedah sebagai destinasi pelancongan warisan: Penerapan konsep pembangunan pelancongan lestari.
- Choy, E. A. (2013). Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancong. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11, 12-23.
- Ibrahim, M. A., & Lyndon, N. (2021). Impak Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan Luar Bandar. *e-Bangi*, 18(2), 40-55.
- Ilias, N. H., & Mansor, A. (2012). Produk pelancongan jejak warisan Bandar Alor Setar, Kedah Darulaman: isu dan cabaran.
- Ismail, S. (2015). *Social impacts of tourism development on local community in Mukim Kedawang, Langkawi Island* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Jaafar, M., Rasoolimanesh, S. M., & Ismail, S. (2017). Perceived sociocultural impacts of tourism and community participation: A case study of Langkawi Island. *Tourism and Hospitality Research*, 17(2), 123-134.
- James, J., & Hussin, R. (2021). Impak Aktiviti Pelancongan Ke Atas Komuniti Setempat: Tinjauan Literatur: Impact Of Tourism Activities On The Local Community: A Literature Review. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 7(1), 211-224.
- Kahaki, S. M., Nordin, M., Ahmad, N. S., Arzoky, M., & Ismail, W. (2020). Deep convolutional neural network designed for age assessment based on orthopantomography data. *Neural Computing and Applications*, 32(13), 9357-9368.


- Kamis, A. H., & dengan Kepujian, S. M. S. G. (2012). Pemeliharaan Bandar Taiping Sebagai Bandar Warisan Dan Pelancongan Di Negeri Perak.
- Kaur, P., Jawaid, A., & Othman, N. B. A. (2016). The impact of community-based tourism on community development in Sarawak. *Journal of Borneo Kalimantan*, 2(1), 15-26.
- Masdey, S. S., & Ramli, Z. (2018). Potensi Pembangunan Pelancongan Berasaskan Warisan Di Bandar Hilir, Melaka: Analisis SWOT (The Potential Of Developing Tourism Base On Heritage At Bandar Hilir Melaka: SWOT Analysis). *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 2(1).
- Marzuki, S. N., Sudin, A. A. A., Atang, D. S. A. N., Arsat, A. A. N., Abidin, N. L. Z., Nawi, N. F. M., & Choy, E. A. (2021). TARIKAN PELANCONGAN BERASASKAN WARISAN DI KUALA LUMPUR. *e-BANGI*, 18(2), 243-261.
- Mohamed, S. N., & Rose, R. A. C. (2018). Potensi bandar Kuala Lipis sebagai destinasi pelancongan warisan (The potential of Kuala Lipis as heritage tourism destination). *Geografia*, 14(1).
- Perumal, C., Sakawi, Z., & Zamhari, S. K. (2016). Impak ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Malaysia: Kajian kes komuniti nelayan Bagan Lalang, Sepang, Selangor (Ecotourism and its impacts on local communities in Malaysia: A case study of Bagan Lalang's fishermen, Sepang, Selangor). *Geografia*, 12(4).
- Rahman, H. A. (2018). Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia Potential and Challenges in Islamic Tourism in Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 506-518.
- Samsudin, M., & Mohamad, S. (2013). Pengaruh warisan sejarah dalam industri pelancongan Langkasi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1), 99-109.

- Samsudin, M., Radzi, M. M., Manaf, A. A., & Saim, N. J. (2010). Warisan sejarah dan pelancongan Mersing serta kepulauan. In *The studies of Johor East coast: preserve Mersing Heritage* (pp. 57-58). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shazali, N., Khalik, M. Z., Rahman, S. H., Azhar, I., Khan, F. A. A., Tahir, N. A., ... & Tingga, R. T. (2016). Small mammals from Miri, northeastern region of Sarawak, Malaysian Borneo: note on new locality records. *Check List*, 12, 1.
- Suharwati, S. I., & Rahman, A. M. (2018). Menumbuhkan Karakter Cinta Lingkungan dalam Pembelajaran IPS di Sekolah Dasar Melalui Outdoor Study.
- Tela, I. N. (2017). *Penilaian Aset Warisan Budaya Minangkabau Sebagai Tonggak Pelancongan Warisan Di Kabupaten Tanah Datar, Indonesia* (Doctoral dissertation, Tesis. Universitas Teknologi Malaysia).
- Zuliskandar, R., Mazlin, M., Adnan, J., Yunus, S., & Muhammad Termiji Hasni & Ahmad Helmi, M. M. (2015). Pelestarian warisan kebudayaan dan warisan semula jadi di Lembah Kinta: Satu kajian awal. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-4 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu, 25-26 November 2015, Kampus Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Syah, Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL), UKM, Langkawi, Kedah*.
- Zuliskandar, R., Mazlin, M., Muhammad Rizal, R. & Sharifah Zarina, S.Z. (2015). Pelancongan berasaskan warisan di Malaysia: Potensi dan cabaran. Prosiding Seminar Antarabangsa ke-8: Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran. 21-22 September, Kampus Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Langkawi, Kedah




LAMPIRAN

UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

Objektif 1 : Mengenalpasti Perkembangan Sektor Pelancongan Warisan Yang Wujud Di Kuala Krai, Kelantan

KAEDAH TEMUBUAL

Kaedah temubual yang digunakan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang ingin dikumpul melalui kaedah berkomunikasi. Kaedah ini digunakan untuk menemubual pihak yang terlibat seperti Majlis Daerah Kuala Krai (MDKK), pihak Pejabat Tanah Daerah Kuala Krai, pemilik sektor pelancongan warisan dan masyarakat sekitar Kuala Krai. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklum balas dengan pihak yang terlibat bagi memdalami seberapa banyakkah perkembangan sektor pelancongan warisan di Kuala Krai, Kelantan.

1. Bagi pendapat Encik/Puan, adakah sektor pelancongan warisan di Kuala Krai berkembang pesat daripada tahun yang sebelumnya ?
2. Adakah Encik/Puan melihat perkembangan sektor warisan di Kuala Krai sebagai sebuah petanda baru dalam menjayakan sektor pelancongan ?
3. Apakah jenis perkembangan yang berlaku dalam sektor pelancongan warisan di Kuala Krai ?
4. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa tempatan dalam memastikan Kuala Krai mengalami perubahan dalam sektor pelancongan warisan ?

Objektif 2: Menilai Potensi Perkembangan Sektor Pelancongan Warisan Di Kuala Krai, Kelantan

KAEDAH TEMUBUAL

Untuk objektif kedua, pengkaji juga menggunakan kaedah temubual bagi menemubual responden yang telah dipilih oleh pengkaji. Antara soalan yang ditanya oleh pengkaji adalah :

1. Adakah Kuala Krai berpotensi dibangunkan sebagai sebuah bandar yang mampu mewujudkan sektor pelancongan warisan ?
2. Apakah potensi yang dimainkan oleh Kuala Krai jika ianya dibangunkan sebagai kawasan pelancongan warisan ?
3. Bagaimanakah cara untuk memastikan Kuala Krai dibangunkan sebagai kawasan pelancongan warisan ?
4. Adakah tempat – tempat yang mempunyai nilai sejarah di Kuala Krai sesuai dijadikan tempat pelancongan warisan ?

KAEDAH SOAL PEMERHATIAN

Pengkaji membuat kaedah pemerhatian di tempat – tempat yang telah dipilih oleh pengkaji untuk mendapatkan data maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Sepanjang pengkaji membuat pemerhatian terdapat beberapa perkara yang pengkaji dapati untuk melengkapkan proses pengumpulan data maklumat. Dalam proses menjalankan kaedah pemerhatian perkaji juga mencatatkan maklumat yang penting serta merekodkan dalam bentuk catatan. Hal ini dilakukan bagi memastikan kesemua maklumat yang diperlukan oleh pengkaji dikumpul dengan sebaiknya. Pengkaji juga beberapa kali turun ke kawasan kajian bagi meninjau kawasan yang telah dipilih.

Objektif 3: Mengenalpasti Kesan Sektor Pelancongan Warisan Di Kuala Krai, Kelantan

KAEDAH SOAL SELIDIK

Analisis Demografi Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki		
Perempuan		

Analisis Demografi Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan	Peratus (%)
12 – 22		
23 – 33		
34 – 44		
45 - 55		
56 dan ke atas		

Analisis Demografi Responden Mengikut Pekerjaan

Pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Awam		
Swasta		
Pelajar		
Tidak Berkerja		
Berkerja Sendiri		

Analisis Demografi Responden Mengikut Bangsa


Bangsa	Bilangan	Peratus (%)
Islam		
Buddha		
Kristian		
Lain – Lain		

Bagi bahagian ini, pengkaji menggunakan Skala Likert iaitu skala Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Sederhana Setuju, Setuju, dan Sangat Setuju bagi setiap soalan yang ditanyakan kepada responden. Berikut merupakan soalan – soalan yang telah disediakan.

Bil.	Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1.	Pelancongan warisan yang telah diwujudkan memberikan pengetahuan tentang sejarah Kuala Krai ?					
2.	Pelancongan warisan yang ditawarkan merupakan pelancongan yang bersifat pendidikan tidak formal ?					
3.	Sektor pelancongan warisan di Kuala Krai memberi kesan positif kepada individu, masyarakat dan negara ?					
4.	Pelancongan warisan di Kuala Krai menambahkan kemudahan infrastuktur ?					
5.	Pelancongan warisan di Kuala Krai mampu menarik golongan muda untuk mengetahui dan mempelajari sejarah ?					
6.	Pelancongan warisan di Kuala Krai membuatkan anda menyayangi dan mencintai artifak dan kesan tinggalan sejarah di Kuala Krai ?					

7.	Pelancongan warisan di Kuala Krai mampu menarik minat pelancong asing untuk datang melancong ?					
8.	1. Adakah pelancongan warisan berjaya untuk dibangunkan di Kuala Krai jika kesemua kemudahan asas disediakan dengan baik ?					





Rajah 1 : Tinjauan kawasan kajian di Tangga Krai yang sedang diselenggara



Rajah 2 : Tinjauan kawasan kajian di Jambatan Gantung Sultan Ismail

KELANTAN

Responden



Rajah 3 : Temubual bersama Sulaiman Abbas penduduk asal Kuala Krai

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN